



HAEMONETICS®

Tatakelakuan

Nilai-nilai
Kita di
Tempat Kerja

Kandungan

3. Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Kita

4. Cara Kita Bekerja

5. Memahami Tatakelakuan Kita

Perihal Tatakelakuan Kita	6
Tanggungjawab Kita	8
Membuat Pilihan yang Bijaksana	9
Melaporkan Kekhuatiran	10

12. Komitmen Terhadap Kualiti

Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Produk	13
Privasi Data Peribadi	15

17. Menghormati Satu Sama Lain

Kesihatan dan Keselamatan	18
Kepelbagaian dan Keterangkuman	20
Gangguan dan Diskriminasi	22

24. Melindungi Organisasi Kita

Maklumat Sulit	25
Penggunaan Aset Syarikat	27
Penyimpanan Rekod dan Pelaporan Kewangan yang Tepat	29
Konflik Kepentingan	31
Bercakap Bagi Pihak Organisasi Kita	34

36. Berlaku Betul

Kepatuhan Undang-undang dan Kawal Atur	37
Interaksi dengan Pakar Kesihatan	39
Dasar Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah	41
Persaingan Adil	44
Amalan Pemasaran dan Penjualan	46
Transaksi Antarabangsa	48
Perdagangan Orang Dalam	51

53. Menghormati Komuniti Kita

Perlindungan Alam Sekitar	54
Hak Asasi Manusia	55
Mendukung Undang-undang Buruh dan Pekerjaan	57
Menyumbang kepada Komuniti Kita	58
Menyertai Proses Politik	59

60. Sumber yang Membantu



Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif Kita



Kami menjadikannya sesuatu yang boleh. Anda menjadikannya sesuatu yang penting.

Di Haemonetics, Tujuan kita mendorong kerja penting yang kita lakukan setiap hari untuk menambah baik khidmat penjagaan pesakit dan menonjolkan kemungkinan yang lebih besar dalam bidang penjagaan kesihatan.

Cara kita melakukan kerja ini sama pentingnya. Kualiti dan integriti berselirat dengan jiwa Syarikat kita dan segala pekerjaan kita. Hal ini membenarkan kita menyampaikan hasil yang meninggalkan kesan terhadap orang yang bergantung pada produk kita dalam beberapa bidang perubatan yang paling penting.

Tatakelakuan Haemonetics memperlihatkan Nilai-nilai yang menyatukan perniagaan kita di seluruh dunia. Tatakelakuan kita menentukan cara kita beroperasi kerana untuk menyampaikan produk dan penyelesaian yang berkualiti tertinggi kepada pihak-pihak berkepentingan di luar Syarikat, kita mesti sentiasa mengamalkan piawaian etika yang setinggi-tingginya.

Tatakelakuan kita mengukuhkan apa yang paling penting bagi kita di Haemonetics dan apa yang dikehendaki daripada anda selaku pekerja. Tatakelakuan kita juga boleh membantu anda membuat keputusan sehari-hari dan meyakinkan anda bahawa anda menolong kami untuk mendukung Nilai-nilai kita, dasar-dasar kita dan undang-undang yang berkenaan dengan kerja kita.

Tatakelakuan ini hendaklah dijadikan panduan etika apabila menangani situasi yang lazim berlaku dan juga yang rumit. Jika anda kurang pasti, sebaiknya mintalah bantuan atau cakap sesuatu.

Kita membina masa depan kita **bersama-sama**. Terima kasih atas komitmen anda yang berterusan terhadap perniagaan kita yang terdorong oleh Tujuan dan terhadap Nilai-nilai kita bersama.

Chris Simon
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Cara Kita Bekerja

TUJUAN KITA

kami
menjadikannya
sesuatu yang boleh
anda
menjadikannya
sesuatu yang
penting

MISI KITA

Kita menghasilkan produk dan perkhidmatan teknologi perubatan yang inovatif, yang meningkatkan kualiti, keberkesanan dan kecekapan khidmat penjagaan. Kita sedang membina budaya yang berusaha sama, yang terdorong oleh prestasi, dan yang menarik minat serta mengembangkan pekerja mahir yang terbaik.

NILAI-NILAI KITA	FIKIR BESAR-BESAR AMBIL TINDAKAN	TINGKAH LAKU KITA	Bertindak dengan berintegriti Berikan komitmen terhadap kualiti Ambil inisiatif Jadilah orang yang boleh dipertanggungjawabkan
NILAI-NILAI KITA	MENANG BERSAMA- SAMA	TINGKAH LAKU KITA	Yakin terhadap diri sendiri + orang lain Dengar dan berkata sesuatu Capai sebagai satu pasukan Raikan kejayaan
NILAI-NILAI KITA	BELAJAR DAN TINGKATKAN SETIAP KALI	TINGKAH LAKU KITA	Cabar diri sendiri + orang lain Capai melebihi yang nyata Dapatkan pemahaman yang terdorong oleh data Tetapkan matlamat yang tinggi



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Memahami Tatakelakuan Kita



Tujuan kita mendorong kita dan Nilai-nilai kita membimbing segala pekerjaan kita, tetapi ini sahaja tidak dapat menjawab setiap soalan yang timbul semasa kita bekerja. Dalam hal inilah Tatakelakuan kita dapat membantu. Tatakelakuan kita menjelaskan cara prinsip-prinsip yang termaktub dalam Tujuan dan Nilai-nilai kita dihidupkan dan membantu kita berlaku betul.

Perihal Tatakelakuan Kita	6
Tanggungjawab Kita	8
Membuat Pilihan yang Bijaksana	9
Melaporkan Kekhuatiran	10



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Perihal Tatakelakuan Kita



Tatakelakuan kita menetapkan piawaian tingkah laku kita di Haemonetics Corporation (“Haemonetics” atau “Syarikat”). “Bertindak Secara Berintegriti” ialah salah satu tingkah laku asas yang menyokong Nilai-nilai kita dan menjadi batu asas Tatakelakuan kita.

Untuk bertindak secara berintegriti, kita patuhi undang-undang, peraturan dan dasar Syarikat yang berkenaan dengan pekerjaan kita. Mengetahui cara berlaku betul itu amat penting dan Tatakelakuan kita ialah tempat permulaan yang terbaik apabila anda kurang pasti tentang mana-mana undang-undang, peraturan atau dasar Syarikat yang berkenaan dengan kerja anda.

Kita juga patuhi piawaian etika yang tertinggi walaupun tiada undang-undang atau dasar khusus yang terlibat. Tatakelakuan kita ialah sumber yang dapat membantu kita menangani situasi yang lazim berlaku dan yang rumit dengan cara yang beretika. Tatakelakuan kita menjelaskan apa yang dikehendaki daripada anda, cara berinteraksi dengan orang lain dan cara membuat keputusan yang dapat mengekalkan taraf etika kita dan melindungi reputasi kita. Tatakelakuan kita menjadi alat rujukan yang berharga, yang dapat menolong anda menggunakan pertimbangan yang baik, mengamalkan Nilai-nilai kita dan mencari sumber yang anda perlukan untuk berlaku betul.

Dalam Tatakelakuan kita, anda akan dapati:

- Gambaran keseluruhan yang ringkas tentang tajuk-tajuk etika yang penting
- Petua tentang cara melahirkan Nilai-nilai kita di tempat kerja
- Alat-alat untuk membuat keputusan
- Jawapan bagi soalan-soalan yang lazim ditanya
- Pautan ke dasar dan sumber lain



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

**MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA**

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Perihal Tatakelakuan Kita



Kehendak kami

Jika anda bekerja bagi pihak Haemonetics dengan apa-apa cara sekalipun, anda mesti mematuhi Tatakelakuan kita. Ini merangkumi setiap anggota Lembaga Pengarah kita dan pasukan kepimpinan eksekutif kita, serta setiap pekerja Haemonetics (termasuk anak-anak syarikatnya) di setiap lokasi Haemonetics, sama ada anda pekerja sepenuh masa, separuh masa atau kontrak. Tanggungjawab yang sama ini turut dipikul oleh semua anggota bersekutu, penjual dan pihak ketiga yang bekerja bagi pihak kita. Kami menghendaki pihak-pihak ketiga ini sama-sama mendukung komitmen kita terhadap piawaian tinggi yang sama ini.

Cara kita mentadbir Tatakelakuan kita

Ketua Pegawai Pematuhan kita, sambil berunding dengan Ketua Peguam kita, memikul tanggungjawab sehari-hari mentadbir Tatakelakuan kita dan mengemukakan laporan tetap kepada Jawatankuasa Tadbir Urus dan Pematuhan Lembaga Pengarah tentang Tatakelakuan kita dan juga tentang program pematuhan dan etika kita yang lain.

Pengetepian Tatakelakuan

Mana-mana peruntukan Tatakelakuan kita jarang-jarang sekali diketepikan. Pengetepian untuk pegawai eksekutif atau pengarah hanya boleh diberikan oleh Lembaga Pengarah Haemonetics atau salah sebuah Jawatankuasa Lembaga, dan akan didedahkan dengan segera kepada para pemegang saham, sebagaimana yang diwajibkan oleh undang-undang yang berkenaan dan peraturan bursa saham. Pengetepian untuk orang lain hanya boleh diberikan oleh Ketua Pegawai Pematuhan setelah berunding dengan Ketua Peguam.

Apabila berlaku pelanggaran

Tatakelakuan kita ialah lanjutan Syarikat kita dan budaya kita. Pelanggaran Tatakelakuan kita, dasar-dasar kita dan undang-undang akan merosakkan hubungan kita dengan Syarikat serta kepercayaan terhadap kita oleh para pelanggan dan pihak-pihak ketiga. Itulah sebabnya kami menganggap pelanggaran sebagai serius. Bergantung pada keterukannya, pelanggaran Tatakelakuan kita boleh mengakibatkan tindakan tatatertib terhadap sesiapa sahaja yang terlibat, termasuklah dipecat, malah hukuman sivil atau jenayah sekalipun jika undang-undang dilanggar.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

**MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA**

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Tanggungjawab Kita

Di Haemonetics, kita semua berperanan menyumbang kepada kerja di sebalik tabir yang perlu untuk mencapai tahap kualiti yang setinggi-tingginya. Kita semua berkongsi tanggungjawab melindungi Syarikat kita dan menolong satu sama lain untuk berjaya.

Setiap pekerja Haemonetics berkongsi tanggungjawab:

AMALKAN NILAI-NILAI KITA MELALUI TATAKELAKUAN KITA. Pastikan anda memahami dan mematuhi Tatakelakuan kita dengan ketat, berserta dasar-dasar kita dan undang-undang yang berkenaan dengan kerja anda. Beringatlah tentang Tatakelakuan dan Nilai-nilai kita dalam segala perbuatan anda.

TANYA DAHULU SEBELUM ANDA BERTINDAK. Kami tidak menghendaki anda mengetahui selok-belok setiap undang-undang, peraturan dan dasar secara terperinci. Oleh itu, sebelum anda melakukan sesuatu yang anda ragu, mohon bantuan.

PERHATI UNTUK Mencari Kekhuatiran dan LAPORKANNYA. Kami mengharapkan anda untuk berwaspada akan apa-apa aktiviti yang anda syaki tidak beretika atau menyalahi undang-undang. Jangan ketepikan. Laporkannya serta-merta.

Adakah anda penyelia? Anda memikul tanggungjawab tambahan:

CONTOHKAN NILAI-NILAI KITA. Anda menetapkan nada bagi pasukan anda. Biar mereka nampak bahawa anda mematuhi Tatakelakuan dan mengamalkan Nilai-nilai kita dalam segala percakapan dan perbuatan anda.

SENTIASALAH BERSEDIA MENYOKONG PASUKAN ANDA. Pastikan pekerja tahu bahawa mereka boleh datang berjumpa anda untuk bertanya. Dengar dengan tekun dan jadilah sumber yang boleh dipercayai apabila mereka kluatir tentang sesuatu.

AMBIL SIKAP PROAKTIF. Jika anda mendapat tahu tentang (atau hanya mengesyaki) salah laku yang mungkin telah terjadi, laporkannya dengan segera. Jangan tunggu sehingga situasi bertambah teruk dan jangan biarkan tindakan balasan dilakukan terhadap sesiapa sahaja yang melaporkan kekhuatirannya atau yang turut serta dalam penyiasatan tentang kekhuatiran yang dilaporkan.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

**MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA**

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN


MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Membuat Pilihan yang Bijaksana

Tatakelakuan kita meliputi pelbagai situasi etika tetapi tidak mungkin dapat merangkumi setiap senario yang boleh berlaku. Jika anda kurang pasti mengenai sesuatu situasi, tanya diri sendiri:




Bolehkah anda menjawab “**ya**” bagi setiap soalan ini? Itu pertanda yang baik. Anda barangkali boleh meneruskan tindakan itu. Jika anda telah menjawab “**tidak**” atau “**mungkin ya**” bagi mana-mana soalan ini, minta bantuan sebelum bertindak.

Melaporkan Kekhuatiran

Perniagaan kita dibina berasaskan kepercayaan. Kita memperoleh kepercayaan pelanggan kita dan kami menghendaknya daripada semua orang yang bekerja untuk kita. Tindakan yang melanggar Tatakelakuan kita, dasar-dasar kita atau undang-undang boleh merosakkan Haemonetics dan reputasi yang telah kita bina dengan bertungkus lumus.

Jika anda nampak atau mengesyaki berlakunya pelanggaran Tatakelakuan kita atau undang-undang, dasar-dasar kita atau piawaian etika kita, anda bertanggungjawab mengatakan sesuatu mengenainya. Ini merangkumi para pekerja kita, penjual dan mana-mana pihak ketiga yang bekerja bagi pihak Haemonetics. Kami tahu perkara itu tidak selalunya mudah dilakukan. Terdapat berbilang sumber yang boleh anda gunakan jika anda ingin bertanya atau bersedia melaporkan kekhuatiran:



Talian Bantuan Integriti Haemonetics boleh dihubungi 24 jam sehari, tujuh hari seminggu melalui telefon, dalam talian atau pos. Anda digalakkan mengenalkan diri anda apabila membuat laporan, tetapi sistem ini juga akan menawarkan pilihan merahsiakan nama anda (kecuali jika undang-undang tempatan melarangnya dalam beberapa keadaan yang tertentu). Ingatlah bahawa kekhuatiran anda mungkin lebih sukar disiasat dan ditangani jika anda tidak mendedahkan nama anda, atau bahawa dalam bidang kuasa yang tertentu, pemrosesan laporan yang tidak bernama tertakluk kepada kriteria penerimaan atau syarat-syarat yang lebih tegas.

Pihak ketiga yang bebas mengendalikan Talian Bantuan Integriti ini dan boleh melayan panggilan dalam kebanyakan bahasa. Anda boleh menghubungi Talian Bantuan Integriti ini dengan mana-mana kaedah yang berikut:

Melalui telefon:
Telefon 1-888-224-7060
(percuma di Amerika Syarikat dan di Kanada)

Dalam talian:
haemonetics.ethicspoint.com



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Melaporkan Kekhuatiran

Apa yang berlaku seterusnya?

Haemonetics menganggap setiap laporan yang dibuat dengan suci hati sebagai serius. Kami komited mengkaji semua kekhuatiran yang dilaporkan dan menjalankan penyiasatan yang betul, adil dan menyeluruh, yang disesuaikan khususnya dengan keadaan yang berkenaan, dan mengambil tindakan pemulihan. Gerak balas Syarikat terhadap sesuatu kekhuatiran bergantung pada jenis dan keterukan kekhuatiran itu dan mungkin merangkumi penyiasatan awal dan pengutipan fakta untuk menentukan sama ada penyiasatan itu berpatutan, dan jika berpatutan, bentuk dan skop penyiasatan. Syarikat mematuhi undang-undang apabila menjalankan penyiasatan dan mengambil langkah keselamatan dan kerahsiaan yang diperlukan untuk melindungi identiti pelapor. Kami menghendaki para pekerja memberikan kerjasama apabila penyiasatan dijalankan dan memberikan maklumat yang benar ketika berbuat demikian. Apabila menyiasat aduan pekerja, Syarikat akan menjaga kerahsiaannya setakat yang boleh.

Bagaimana pula dengan tindakan balasan?

Syarikat komited melindungi pekerjaannya daripada tindakan balasan kerana melaporkan pelanggaran yang mungkin telah berlaku terhadap Tatakelakuan kita, dasar-dasar kita atau undang-undang dan peraturan yang mengawal perniagaan kita. Kami juga komited melindungi pekerja daripada tindakan balasan kerana turut serta atau memberikan kerjasama dalam sesuatu penyiasatan tentang kekhuatiran sedemikian. Jika pekerja mendapat tahu tentang kejadian atau ancaman tindakan balasan, hal ini hendaklah dilaporkan dengan segera dengan menggunakan prosedur yang digariskan di sini.

Tindakan balasan ialah apa-apa perbuatan yang sewajarnya akan menawarkan hati pekerja daripada melaporkan kekhuatirannya secara suci hati tentang tempat kerja ataupun daripada memberikan kerjasama dalam penyiasatan atau prosiding undang-undang berhubung dengan kekhuatiran tersebut. Pekerja yang mengenakan tindakan balasan terhadap pekerja lain atas sebab tindakannya yang terlindung, sebagaimana yang diterangkan dalam dasar ini, boleh tertakluk kepada tindakan pembetulan, yang merangkumi pemecatan.

Integriti Diamalkan

S: *Saya percaya bahawa seorang anggota barisan pengurusan atas mungkin terlibat dengan aktiviti yang melanggar Tatakelakuan kita. Tetapi saya bukan sahaja kurang pasti mengenainya, saya juga takut melaporkan pekerja yang berpangkat tinggi. Tidakkah saya akan dipecat?*

J: Tidak. Yang penting sekali, anda tidak sepatutnya takut akan tindakan balasan kerana melaporkan kekhuatiran dengan suci hati. Tiada seorang pun pekerja Haemonetics (walau betapa tinggi pangkatnya) terkecuali daripada Tatakelakuan kita, dasar-dasar kita atau undang-undang. Suara anda patut didengari, walau apapun pekerjaan anda, dan sama ada anda mempunyai bukti bahawa salah laku telah terjadi.

Semak Dasar-dasar Kita

Program Pematuhan Global Dasar Operasi
Dasar Pelaporan dan Pencegahan Tindakan Balasan



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Komitmen Terhadap Kualiti



Kita hargai kepercayaan pelanggan terhadap kita dengan mengekalkan komitmen yang teguh terhadap kualiti. Kualiti diutamakan dalam segala pekerjaan kita dan setiap keputusan yang kita buat.

Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Produk	13
Privasi Data Peribadi	15



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

**KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI**

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Produk Tidak Kurang Daripada Sebaik-baik Pencapaian Kita

Produk Haemonetics ialah pautan kita yang paling kukuh dengan pelanggan kita. Mengeluarkan apa-apa sahaja yang kurang daripada piawaian kita yang tertinggi akan melemahkan pautan itu dan juga reputasi kita. Kita komited memastikan kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk-produk kita. Kita lahirkan komitmen itu dengan menggunakan rangka fikiran kualiti dalam segala pekerjaan kita, iaitu dengan melebihi kehendak pelanggan dan mematuhi dengan teliti peraturan dan piawaian yang dikenakan terhadap kita.



Cara Kita Bekerja

Menepati dan melebihi keperluan. Kualiti, keselamatan dan keberkesanan produk bermula dengan pematuhan undang-undang yang dikenakan di setiap tempat produk kita dijual. Undang-undang ini direka untuk mengurangkan bahaya yang boleh timbul dan mencegah kecederaan. Jika pekerjaan anda melibatkan pengilangan produk kita:

- Fahami semua kaedah dan peraturan yang dikenakan terhadap operasi kita untuk menjamin keselamatan dan kualiti. Minta panduan jika anda kurang pasti tentang penggunaan peraturan ini.
- Patuhi piawaian, dasar dan prosedur sistem kualiti serta amalan perkilangan yang baik. Jangan ambil jalan pintas atau buat pengecualian apabila membangunkan, mengilang atau menguji produk kita.
- Anggap kejayaan perniagaan kita sebagai tanggungjawab diri anda dengan menghalang produk yang tidak menepati piawaian kita keluar daripada kawalan kita.



Apakah jenis peraturan yang dikenakan?

Undang-undang kualiti dan keselamatan produk meliputi hal-hal seperti:

- Keselamatan kebakaran
- Pembinaan bahan
- Pembungkusan
- Pelabelan
- Pengujian
- Penghantaran
- Penyimpanan
- Pelupusan

Kualiti, Keselamatan dan Keberkesanan Produk

Tidak Kurang Daripada Sebaik-baik Pencapaian Kita



Bekerja rapat dengan penjual dan pembekal.

Penjual dan pembekal kita memainkan peranan penting dalam usaha memastikan setiap komponen yang digunakan pada produk kita juga menepati piawaian kita yang tinggi. Jika anda berurusan dengan mana-mana pihak ketiga yang membantu untuk mengeluarkan produk kita:

- Pantau kerja mereka untuk memastikan bahawa mereka menuntut piawaian kualiti, keselamatan dan keberkesanan yang sama tinggi dan bahawa mereka mendukung semua undang-undang dan peraturan yang dikenakan.
- Pantau program kualiti dan keselamatan yang diadakan, dan proses yang diikuti oleh penjual serta rekod keselamatan mereka.

Melindungi rantai bekalan kita. Kita menuntut kualiti dan keselamatan pada setiap peringkat kerja kita, daripada pengeluaran sehinggalah kepada pengedaran. Jika anda terlibat pada mana-mana peringkat, ingatlah:

- Pantau dan pastikan kualiti, keselamatan dan pengawalan operasi kita sepanjang rantai bekalan dan sistem pengedaran kita.
- Jika anda mendapat tahu tentang sesiapa yang menjejaskan keutuhan produk kita atau rantai bekalan kita (sama ada pekerja, penjual atau pembekal), laporkan kekhawatiran anda dengan segera.

Semak Dasar-dasar Kita

Manual Kualiti dan Dasar Kualiti Global



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

**KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI**

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Privasi Data Peribadi

Maklumat Mereka, Tanggungjawab Kita

Apabila sesiapa sahaja memberikan data peribadi kepada Haemonetics, sama ada pekerja kita, pelanggan atau sesiapa sahaja yang berurusan dengan kita, kita hormati privasinya. Kita memahami tanggungjawab kita mengendalikan maklumat mereka dengan cermat, sambil mematuhi undang-undang privasi data agar dapat mencegah salah guna atau pendedahan yang tidak betul.



Cara Kita Bekerja

Mematuhi undang-undang. Pelbagai undang-undang dikenakan di seluruh dunia yang berkait dengan pengutipan, penggunaan, penyimpanan dan pelupusan data peribadi dengan betul. Jika anda mendapat maklumat seperti ini semasa bekerja:

- Ketahui undang-undang yang dikenakan di negara-negara tempat anda menjalankan perniagaan dan patuhi undang-undang itu dengan teliti untuk melindungi data peribadi.
- Ketahui bahawa langkah perlindungan khas dikenakan untuk menjamin keselamatan kategori data peribadi yang tertentu, terutamanya Maklumat Kesihatan yang Terlindung (PHI), iaitu maklumat mengenai penjagaan kesihatan seseorang yang boleh digunakan untuk mengenal pasti dirinya. Antara kategori lain data yang memerlukan perlindungan khas ialah nombor pengenalan (misalnya nombor pasport atau nombor keselamatan sosial), hubungan keagamaan, keahlian dalam kesatuan sekerja, penilaian prestasi dan maklumat kad kredit atau perbankan seseorang. Jika anda mendapat PHI atau data yang tergolong ke dalam kategori-kategori khas yang lain, patuhi semua undang-undang dan keperluan untuk mengendalikannya dengan betul.

- Mohon panduan jika anda kurang pasti tentang mana-mana undang-undang atau keperluan, atau perkaitannya dengan anda. Jika anda mengesyaki berlakunya pelanggaran undang-undang privasi data, laporkan kekhawatiran anda dengan segera.



Apakah maksudnya data peribadi?

Maklumat yang boleh digunakan untuk mengenal pasti seseorang, yang merangkumi tetapi tidak terbatas kepada:

- Nama
- Alamat fizikal atau e-mel
- Nombor telefon
- Nombor keselamatan sosial
- Tarikh lahir
- Gambar atau video
- Maklumat kewangan
- Masalah dan rawatan perubatan
- Bangsa dan keturunan



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA


Privasi Data Peribadi

Maklumat Mereka, Tanggungjawab Kita

Menganggap data peribadi seolah-olah milik kita.

Jika anda diberi kuasa mendapatkan data peribadi sebagai sebahagian daripada pekerjaan anda:

- Gunakan data itu hanya untuk tujuan perniagaan yang sah.
- Amalkan langkah-langkah keselamatan siber yang baik sambil mengikuti semua proses dan amalan Haemonetics untuk melindungi rangkaian, sistem dan data kita daripada diambil tanpa izin.
- Jangan dedahkan data peribadi kepada sesiapa pun yang tidak diberi kuasa untuk melihatnya tanpa persetujuan bertulis. Itu merangkumi tidak mendedahkannya di dalam e-mel atau pada media sosial, mahupun menyimpannya pada alat peribadi.
- Jangan hantarkan data peribadi ke alat penerima yang tidak dijaga termasuklah pencetak, jangan bincangkan data peribadi di tempat awam, dan jangan dapatkan data peribadi melalui rangkaian yang tidak dikawal (misalnya Wi-Fi awam).



Integriti Diamalkan

S: Saya bekerja di Jabatan Sumber Manusia dan menerima e-mel daripada rakan sekerja yang meminta alamat peribadi rakan sekerja yang lain, yang terdapat dalam rekod sistem HR kita sebagai sebahagian daripada fail pekerja. Saya sedar bahawa saya tidak dibenarkan mendedahkan alamat ini kepada sesiapa pun di luar Haemonetics tetapi bolehkah saya mendedahkannya kepada rakan sekerja yang lain?

J: Tidak boleh. Maklumat ini sulit dan juga peribadi. Anda hanya boleh mendedahkannya kepada pekerja yang diberi kuasa melihatnya dan mempunyai keperluan perniagaan yang sah untuk menggunakannya agar dapat melakukan kerjanya.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Privasi Data Global

SOP Privasi Data Pelanggan Global

Dasar Keselamatan Siber dan Perlindungan Data Global



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Menghormati Satu Sama Lain



Tempat kerja kita bersuasana saling hormat, yang membuatkan semua orang berasa seolah-olah dialu-alukan dan dihargai. Interaksi kita bersopan dan berusaha sama, dan setiap orang berpeluang menyumbang kepada Misi kita.

Kesihatan dan Keselamatan	18
Kepelbagaian dan Keterangkuman.....	20
Gangguan dan Diskriminasi.....	22



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

**MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN**

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Kesehatan dan Keselamatan

Keselamatan Diamalkan Di Sini

Sebagai Syarikat, kita komited menjadikan tempat kerja kita selamat dan terkawal. Ini merangkumi langkah menyingkirkan amalan kerja yang tidak selamat, mencegah kecederaan dan penyakit di tempat kerja, dan menggalakkan kesihatan, keselamatan dan kesejahteraan semua pekerja, kontraktor dan pelawat. Antara objektif penting untuk mencapai visi kita ialah: **mewujudkan budaya keselamatan yang positif, mengekalkan sistem pengurusan keselamatan yang berkesan dan mengurangkan risiko di tempat kerja**. Kami juga mengharapkan anda untuk melindungi diri anda dan orang lain dengan sikap waspada dan pematuhan piawai, undang-undang dan prosedur keselamatan.



Cara Kita Bekerja

Menjadikan keselamatan tanggungjawab kita. Kita masing-masing berperanan memastikan suasana kerja kita selamat dan sihat.

- Ketahui peraturan alam sekitar, kesihatan dan keselamatan yang berkenaan dengan anda dan kerja anda. Selesaikan latihan dan kajian semula keselamatan yang diperlukan, jika ada, dan patuhi dasar dan keperluan keselamatan yang berkenaan.
- Pakai atau gunakan Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE), jika ada, yang diperlukan bagi pekerjaan anda sebagaimana yang diarahkan oleh dasar-dasar kita.

Mencegah penyalahgunaan bahan. Haemonetics menghendaki kita semua berkeadaan cukup sihat untuk bekerja setiap hari, dan tidak berada di bawah pengaruh bahan yang menjejaskan kebolehan kita melaksanakan kerja kita dengan selamat:

- Kita mengendalikan tempat kerja yang bebas daripada dadah dan kita melarang penggunaan atau pemilikan dadah haram di tempat kerja. Larangan ini dikenakan terhadap dadah yang dikawal atur atau dilarang penggunaannya atau pemilikannya oleh undang-undang, ubat-ubat yang hanya boleh diperolehi dengan preskripsi doktor yang digunakan dengan cara yang tidak sama dengan preskripsi itu, serta bahan-bahan terkawal yang dibenarkan oleh undang-undang tetapi telah diperolehi dengan cara yang tidak betul. Selanjutnya, para pekerja tidak sepatutnya datang bekerja semasa menggunakan ubat yang mungkin akan mengganggu pelaksanaan tugas mereka dengan selamat.
- Para pekerja Haemonetics dilarang menyalahgunakan arak semasa waktu kerja mahupun bekerja sementara arak masih berada di dalam badan mereka.

Kesehatan dan Keselamatan

Keselamatan Diamalkan Di Sini

➔ Perhati dan cari bahaya yang boleh berlaku

Berwaspadalah akan apa-apa sahaja yang boleh mencederakan pekerja, pelanggan atau orang awam yang mungkin berada di dalam bangunan kita. Jika anda nampak bahaya yang mungkin boleh berlaku, laporkan kekhawatiran anda dengan segera.

Menjauhkan keganasan. Kita berusaha memelihara tempat kerja yang berusaha sama, yang tidak membenarkan keganasan. Bantu kami mencegahnya.

- Perhati dan cari tanda-tanda amaran bahawa keganasan mungkin berlaku, misalnya mengugut atau menakut-nakutkan orang lain, memusnahkan harta benda atau memiliki senjata, yang dilarang semuanya di tempat kerja kita.
- Jaga interaksi anda dengan orang lain agar sentiasa tenang dan produktif, serta bebas daripada rasa marah atau ugutan.

Integriti Diamalkan

S: Saya nampak rakan sekerja saya tidak mengendahkan langkah waspada keselamatan semasa mengendalikan peralatan makmal. Dia sudah bekerja di sini lebih lama daripada saya dan katanya dia tahu apa yang dilakukannya. Patutkah saya berkata sesuatu?

J: Ya. Langkah waspada keselamatan kita diadakan untuk melindungi para pekerja kita dan tidak boleh diketepikan. Yakinlah bahawa pekerja yang melaporkan kekhawatirannya tentang keselamatan dengan suci hati akan dilindungi daripada tindakan balasan.

S: Rakan sekerja saya menunjukkan kepada saya kaedah yang digunakannya untuk mempercepatkan pengeluaran salah satu produk kita. Saya tidak mahu mencubanya kerana kaedah itu seolah-olah akan menimbulkan bahaya terhadap keselamatan. Apakah yang harus saya lakukan?

J: Jika anda berasa cukup selesa, beritahu pekerja itu bahawa anda kuaratir kaedah ini boleh menyebabkan dirinya (dan mungkin juga orang lain) menghadapi risiko. Jika anda berasa kurang selesa melakukannya atau jika dia terus menggunakan kaedah yang tidak selamat, laporkan kekhawatiran anda itu dengan segera.



Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pematuhan Alam Sekitar,
Kesehatan dan Keselamatan Global

Pernyataan Dasar Alam Sekitar,
Kesehatan dan Keselamatan Global

Dasar Tempat Kerja Yang Bebas
Daripada Dadah dan Arak HSE Global

Dasar Komunikasi Bahaya HSE Global

Dasar, peraturan atau buku panduan pekerja tempatan mungkin digunakan. Dapatkan nasihat wakil HR atau Undang-undang di tempat anda.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Kepelbagaian dan Keterangkuman

Tempat Kerja Kita yang Mengalu-alukan Pekerja

Pekerja kita ialah asas organisasi kita, masing-masing mempunyai bakat, latar belakang dan kebolehan tersendiri. Kepelbagaian pasukan kita dan idea mereka membantu untuk membina budaya kita yang berusaha sama dan bertumpu pada prestasi. Kami faham nilai yang dibawa oleh setiap orang ke tempat kerja kita, dan kami komited menyediakan suasana kekitaan yang memberi setiap orang peluang untuk berkembang. Kami menghendaki setiap pekerja Haemonetics turut berbuat demikian.



Cara Kita Bekerja

Menghargai dan menggalakkan kepelbagaian.

Dengan memastikan kepelbagaian, kita mendapat himpunan pekerja mahir yang lebih luas, yang membawa perspektif dan idea yang baharu dan berharga. Anda dapat menyumbang untuk menggalakkan kepelbagaian jika anda mengikuti amalan yang berikut, yang kami kehendaki daripada semua pekerja:

- Jauhkan sikap berprasangka ketika membuat keputusan. Tumpukan perhatian pada tindakan anda sendiri dan beringatlah tentang stereotaip atau pemikiran berat sebelah yang boleh mempengaruhi anda.
- Apabila bekerja secara berpasukan, alu-alukan sumbangan dan idea baharu setiap orang. Dengar setiap sudut pandangan dengan sopan dan galakkan orang lain untuk turut berbuat demikian.
- Galakkan peluang pekerjaan yang saksama dengan mematuhi undang-undang yang mengawal kesaksamaan amalan pengambilan pekerja baharu, misalnya menemu duga, mengambil khidmat, menaikkan pangkat dan menghentikan khidmat. Lihat tajuk [Gangguan dan Diskriminasi](#) untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Menjadi pekerja mithali. Walaupun anda tidak menguruskan orang lain, namun anda tetap boleh membangkitkan semangat orang lain untuk meraikan kepelbagaian melalui tindakan anda sehari-hari:

- Tunjukkan sikap menghormati orang lain dengan menentang secara terang-terangan gurauan, bahasa atau tingkah laku yang tidak hormat atau yang menyakiti hati.
- Apabila anda mencari pendapat dan idea, jangan harapkan sumber yang sama sahaja setiap kali. Cuba minta perspektif baharu daripada orang yang mungkin biasanya tidak bekerja bersama-sama anda.
- Jika anda nampak atau mengesyaki bahawa sesiapa sahaja melanggar komitmen Haemonetics terhadap kepelbagaian dan keterangkuman, [laporkan kekhawatiran anda itu dengan segera.](#)



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

**MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN**

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Kepelbagaian dan Keterangkuman

Tempat Kerja Kita yang Mengalu-alukan Pekerja



Sikap hormat dalam setiap interaksi.

Dalam setiap perbualan, sama ada dengan rakan sekerja, pelanggan, wakil pihak ketiga atau orang awam, pastikan setiap orang yang terlibat berasa:

- Dialu-alukan
- Dihormati
- Didengar
- Dihargai

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pencegahan Diskriminasi dan Pencegahan Gangguan

Dasar, peraturan atau buku panduan pekerja tempatan mungkin digunakan. Dapatkan nasihat wakil HR atau Undang-undang di tempat anda.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

**MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN**

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Gangguan dan Diskriminasi

Sokong dan Hormati Satu Sama Lain

Apabila para pekerja kita datang bekerja, mereka sepatutnya berasa dihargai dan dihormati, dan bukannya takut, diganggu, didiskriminasi atau dikecualikan. Haemonetics komited memelihara tempat kerja yang mengutamakan sikap saling hormat dan kesaksamaan, dan kita masing-masing bertanggungjawab menggalakkan prinsip-prinsip ini dalam budaya kita.



Cara Kita Bekerja

Mengenali dan mencegah gangguan. Gangguan ialah tingkah laku yang boleh menimbulkan suasana kerja yang kesat, dingin atau menakutkan, dan terdorong oleh, atau menyasarkan, jantina, bangsa, warna kulit, agama, umur, keturunan, ketidakupayaan atau taraf veteran seseorang pekerja, atau mana-mana pengelasan lain yang dilindungi oleh undang-undang. Gangguan seksual merangkumi gerak laku seksual yang tidak dikehendaki, permintaan layanan atau visual seks, dan kelakuan seksual secara lisan atau fizikal yang menjejaskan atau mengganggu suasana kerja pekerja.

Kelakuan yang mengganggu akan merosakkan budaya kita yang berusaha sama dan hormat-menghormati, dan tidak akan dibiarkan sahaja di Haemonetics. Untuk menjauhkan tingkah laku begini daripada suasana kerja kita:

- Beringatlah bahawa walaupun anda mempunyai hubungan yang teguh, termasuklah persahabatan, dengan rakan-rakan sekerja dan/atau pelanggan anda, namun anda tetap mesti berurusan dengan mereka secara profesional pada setiap masa.

- Galakkan komunikasi dan tingkah laku yang berpatutan oleh rakan-rakan sekerja anda, dan jika boleh, katakan sesuatu mengenai kelakuan yang tidak berpatutan apabila anda memerhatikannya atau mengalaminya semasa bekerja.



Adakah ini gangguan?

Gangguan boleh berbentuk visual, lisan, fizikal atau elektronik, dan biasanya merangkumi:

- Kata-kata yang menghina (ditulis atau diucapkan)
- Kata-kata atau jenaka yang menyakitkan hati
- Gerak isyarat yang tidak senonoh atau tidak berpatutan
- Menghantar atau menyiarkan bahan-bahan yang menyakitkan hati
- Bermain cinta atau permintaan seks
- Membuli, mengeroyok atau penganiayaan emosi



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

**MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN**

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Gangguan dan Diskriminasi

Sokong dan Hormati Satu Sama Lain

Mencegah diskriminasi. Haemonetics komited memberi setiap orang peluang yang saksama untuk turut serta dan berjaya di tempat kerja, tanpa mengira jantina, bangsa, warna kulit, agama, umur, keturunan, ketidakupayaan, taraf veteran atau mana-mana pengelasan lain yang dilindungi oleh undang-undang. Untuk menjauhkan diskriminasi daripada suasana kerja kita:

- Ketahui dan patuhi undang-undang pekerjaan yang berkenaan dengan anda.
- Jika anda terlibat membuat keputusan pekerjaan seperti mengambil khidmat pekerja baharu, menaikkan pangkat dan menghentikan khidmat pekerja, dasarkan keputusan anda pada ciri-ciri yang selaras dengan undang-undang seperti kemahiran, merit dan keperluan pekerjaan, dan bukannya pada pengelasan yang terlindung seperti bangsa, jantina, umur, kerakyatan, agama dan seumpamanya.

Jika anda menjadi mangsa kelakuan yang tidak berpatutan semasa bekerja, atau jika anda tahu tentang seseorang yang menjadi mangsa, laporkan kekhawatiran anda dengan segera kepada mana-mana sumber yang tersenarai di bawah tajuk Melaporkan Kekhawatiran, supaya Haemonetics boleh menyiasat dan mengambil tindakan yang bersesuaian. Ingat, kita tidak akan membiarkan

sahaja tindakan balasan dilakukan terhadap anda kerana melaporkan kekhawatiran dengan suci hati ataupun kerana turut serta dalam penyiasatan tentang kekhawatiran tersebut.

Integriti Diamalkan

S: Semasa keluar bersama pasukan kami selepas waktu kerja, salah seorang rakan sekerja saya menanya saya berulang kali sama ada saya sudi pergi minum-minum berdua dengannya di tempat lain. Komennya dan sikapnya yang mendesak-desak itu membuatkan saya kurang selesa. Kami bukan di tempat kerja pada ketika itu dan oleh sebab komennya tidaklah bersifat seksual, patutkah saya membiarkannya sahaja?

J: Tidak, anda tidak patut membiarkannya sahaja. Rakan sekerja memikul kewajipan bertingkah laku secara profesional dengan anda, walaupun selepas waktu kerja. Jika boleh, beritahu rakan sekerja anda itu bahawa tingkah laku begini tidak diterima. Jika rakan sekerja ini masih bertingkah laku begini atau anda kurang selesa berhadapan dengannya, laporkan kekhawatiran anda supaya Syarikat boleh mengambil tindakan yang sewajarnya.



Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pencegahan Diskriminasi dan Pencegahan Gangguan

Dasar, peraturan atau buku panduan pekerja tempatan mungkin digunakan. Dapatkan nasihat wakil HR atau Undang-undang di tempat anda.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

**MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN**

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Melindungi Organisasi Kita



Kita bermegah akan Haemonetics dan kerja yang kita lakukan. Kita semua harus berusaha sebaik-baiknya untuk melindunginya.

Maklumat Sulit	25
Penggunaan Aset Syarikat	27
Penyimpanan Rekod dan Pelaporan Kewangan yang Tepat	29
Konflik Kepentingan	31
Bercakap Bagi Pihak Organisasi Kita	34



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

**MELINDUNGI
ORGANISASI KITA**

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Maklumat Sulit

Hormati dan Lindungi

Produk Haemonetics ialah hasil maklumat dan idea yang telah kita cipta dan kumpul sejak Syarikat kita ditubuhkan. Maklumat dan idea ini sangat penting bagi perniagaan kita dan keputusan yang kita buat, dan membenarkan kita terus menghasilkan inovasi di samping menambah baik produk dan perkhidmatan kita. Kegagalan melindungi maklumat ini boleh memudaratkan perniagaan kita, pelanggan kita dan akhirnya, pesakit dan penderma kita. Itulah sebabnya kita menyedari tanggungjawab kita melindungi maklumat sulit, termasuklah harta intelektual kita, daripada didedahkan dan disalahgunakan.



Cara Kita Bekerja

Mengetahui apa yang patut dilindungi. Maklumat ialah komponen penting dalam kerja kita sehari-hari. Maklumat ini wujud dalam pelbagai bentuk, tetapi semuanya mesti dilindungi.

Maklumat Sulit ialah maklumat yang tidak diketahui umum atau yang berempunya mengenai perniagaan kita atau produk kita, yang boleh merangkumi tetapi tidak terbatas kepada maklumat yang berikut:

Rancangan perniagaan strategik	Prestasi atau spesifikasi produk
Rancangan pelaburan modal	Maklumat tentang kajian klinikal
Rancangan atau penawaran produk baharu	Maklumat tentang pekerja atau gaji pekerja
Data kewangan	Maklumat tentang penjual, pelanggan atau pesakit

Harta Intelektual (IP) ialah sesuatu yang kita cipta, yang unik pada Haemonetics dan meningkatkan daya saing kita dalam industri ini. Kebanyakan IP mesti dirahsiakan, termasuklah:

Penyelidikan tentang pembangunan produk	Rahsia perdagangan
Senarai pelanggan atau pembekal	Bahan atau strategi kreatif
Teknologi perkilangan	Reka bentuk, rekaan atau permohonan paten
Kod sumber perisian atau algoritma proses	Metodologi proses produk



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

**MELINDUNGI
ORGANISASI KITA**

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Maklumat Sulit

Hormati dan Lindungi

Melindungi maklumat apabila kita tidak mendedahkannya kepada orang lain. Jika anda diberi laluan mendapatkan maklumat sulit tentang Haemonetics:

- Jangan dedahkan maklumat itu kepada sesiapa pun di luar Haemonetics, walaupun wujud hubungan perniagaan dengannya, tanpa mendapatkan nasihat Jabatan Undang-undang terlebih dahulu.
- Komunikasi dalaman yang melibatkan maklumat sedemikian boleh didedahkan hanya kepada orang yang dibenarkan mendapat maklumat tersebut.
- Apabila bekerja atau bermesyuarat di tempat awam, ingatlah bahawa maklumat sulit atau IP pada skrin komputer anda hendaklah diselindung daripada pandangan, dan berjaga-jagalah supaya perbualan yang melibatkan maklumat sulit tidak boleh didengari orang lain.



Lindungi buat selama-lamanya!

Tahukah anda bahawa kewajipan anda melindungi maklumat sulit tidak berakhir apabila perkhidmatan anda berakhir? Jika anda meninggalkan Haemonetics, jangan dedahkan maklumat sulit atau IP Haemonetics kepada majikan baharu dan jangan minta orang upahan baharu memberi anda maklumat sulit daripada majikannya yang lepas.

Mendapatkan maklumat dengan berhati-hati. Untuk memastikan anda mengendalikan maklumat sulit dan IP kita dengan betul:

- Ikutilah dasar-dasar kita pada setiap masa. Dapatkan hanya maklumat yang anda perlukan untuk melakukan tugas anda, dan simpan maklumat itu pada sistem Haemonetics yang diluluskan dan bukan pada komputer atau alat peribadi, mahupun pada sistem penyimpanan berasaskan cloud yang tidak diluluskan. Jangan hantarkan maklumat sulit atau IP kita melalui rangkaian yang tidak terjamin keselamatannya, misalnya Wi-Fi awam. Jangan gunakan akaun

e-mel peribadi anda untuk melakukan komunikasi yang berkaitan dengan kerja.

- Jika anda mahu menggunakan tanda dagang atau logo kita, dapatkan kebenaran Jabatan Undang-undang dahulu, dan jika anda menulis bahan terbitan atau kajian kes yang merujuk Haemonetics atau produk-produk kita, minta Jabatan Undang-undang menyemaknya dan meluluskannya dahulu sebelum disiarkan.
- Kurang pasti sama ada sesuatu itu sulit? Minta panduan, atau anggap sahaja perkara itu sulit.



Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Komunikasi Luar Global
Dasar Privasi Data Global



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

**MELINDUNGI
ORGANISASI KITA**

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Penggunaan Aset Syarikat

Perlindungan dan Penggunaan yang Betul

Sama seperti semua syarikat lain, Haemonetics mempunyai aset, iaitu barang-barang berharga yang membantu kita melakukan kerja. Aset kita berada di sekeliling anda, segala-galanya daripada komputer dan peralatan kita sehinggalah kepada sistem e-mel, penyelidikan, harta intelektual dan teknologi kita, semuanya amat penting bagi perniagaan kita sehari-hari dan bagi pertumbuhan kita pada masa depan. Kita bertanggungjawab menghormatinya dan melindunginya.



Cara Kita Bekerja

Menjaga harta benda kita. Haemonetics mengamanahkan pelbagai aset kepada anda untuk membantu anda melakukan kerja. Kami menghendaki anda menjaganya dengan baik. Maksudnya:

- Gunakan aset Syarikat dengan bertanggungjawab dan sebagaimana aset itu sepatutnya digunakan, sambil mengurangkan penggunaan peribadi kepada tahap yang serendah-rendahnya.
- Lindungi aset supaya tidak hilang, dicuri atau rosak.
- Jangan bawa aset Syarikat keluar daripada bangunan kita untuk kegunaan peribadi.
- Jangan benarkan orang yang tidak diberi kuasa, termasuklah kawan-kawan dan ahli keluarga, menggunakan atau mendapatkan aset kita.

Menjaga bangunan kita dalam keadaan selamat dan terpelihara. Sepertimana anda menjaga rumah anda, kita juga mengadakan prosedur keselamatan untuk melindungi bangunan Haemonetics:

- Ikuti prosedur kita dengan teliti.
- Jangan benarkan orang yang tidak diberi kuasa memasuki bangunan kita jika mereka tidak mendapat kebenaran masuk atau membawa pengenalan yang betul untuk tujuan keselamatan.

Menjamin keselamatan sistem kita. Daripada perisian hasad dan phishing kepada penafian perkhidmatan dan ancaman-ancaman lain yang berterusan, serangan terhadap rangkaian korporat semakin canggih setiap hari. Kita bertanggungjawab menghentikannya dengan mengikuti dasar dan prosedur komputer dan rangkaian kita. Untuk mencegah kemasukan tanpa izin ke sistem Haemonetics:

- Jangan dedahkan tauliah anda memasuki sistem atau kata laluan anda kepada sesiapa pun, sama ada di dalam ataupun di luar Haemonetics, walaupun kepada kawan anda atau rakan sekerja anda yang anda percayai.
- Pastikan perisian yang tidak dibenarkan tidak dipasang pada alat-alat kita. Gunakan perisian yang telah kita berikan lesen sahaja dan jangan pasang perisian yang tidak dibenarkan pada alat Syarikat mahupun salin perisian kita pada alat lain.

Pernahkah mana-mana aset kita hilang, dicuri, rosak atau disalahgunakan? Beritahu kami dengan segera. Laporkan kekhuatiran anda.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Penggunaan Aset Syarikat

Perlindungan dan Penggunaan yang Betul



Integriti Diamalkan

S: Saya dan pasangan saya mempunyai perniagaan kek dan roti yang kami kendalikan pada waktu malam dan hujung minggu. Ada kalanya semasa waktu kerja (misalnya pada waktu makan tengah hari), saya suka menyemak e-mel dan menempah bekalan. Bolehkah saya melakukannya dengan menggunakan komputer riba yang dibekalkan oleh Syarikat dari semasa ke semasa, asalkan saya menyiapkan kerja saya?

J: Mungkin ada kalanya menggunakan komputer riba yang dibekalkan oleh Syarikat untuk tujuan peribadi boleh diterima pada kadar yang terhad tetapi bukan untuk urusan perniagaan peribadi. Menggunakan aset Syarikat untuk tujuan peribadi boleh dilakukan sekali-sekala sahaja dan tidak boleh mengganggu kerja yang anda lakukan untuk Haemonetics. Kami juga melarang penggunaan alat-alat yang dibekalkan oleh Syarikat untuk melihat atau menghantar kandungan yang tidak berpatutan, untuk berjudi atau untuk mengambil tindakan yang menyalahi undang-undang, menyakiti hati orang lain atau mendiskriminasikan seseorang.

S: Saya menerima e-mel di tempat kerja daripada orang yang tidak saya kenali dan e-mel itu mengandungi pautan. Oleh sebab Haemonetics memberi kami perlindungan antivirus, saya sepatutnya terlindung daripada apa-apa virus pun jika saya mengklik pada pautan itu, bukan?

J: Tidak. Anda tetap perlu berhati-hati. Sungguhpun kami menyediakan pertahanan sistematik yang kukuh, namun kita masih boleh terjejas oleh serangan siber jika anda mengklik pada pautan yang diterima daripada sumber yang tidak diketahui. Berhati-hatilah dan jangan klik pada pautan atau lampiran seumpama ini. Laporkan e-mel yang dicurigai kepada pihak Keselamatan IT jika anda kurang pasti.

Semak Dasar-dasar Kita

Penggunaan Dasar Aset Syarikat Secara Global



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

**MELINDUNGI
ORGANISASI KITA**

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Penyimpanan Rekod dan Pelaporan Kewangan yang Tepat

Mendokumenkan Integriti Kita

Kami percaya akan amalan menyimpan rekod dengan baik. Apabila kita mewujudkan atau mengemaskinikan rekod perniagaan (walau betapa kecil pun), kita mesti melakukannya dengan tepat dan jujur supaya kita boleh membuat keputusan perniagaan yang bertanggungjawab dan memberikan maklumat yang boleh dipercayai kepada pelabur, pelanggan, rakan niaga dan agensi kerajaan.



Cara Kita Bekerja

Memastikan ketepatan dan ketelusan. Setiap butiran yang dimasukkan ke dalam rekod kita mestilah tepat, tanpa mengira saiz atau jenis butiran itu. Ini membolehkan kita membuat pilihan perniagaan yang bijak dan berkomunikasi secara jujur dengan pemegang saham, pelanggan dan rakan niaga kita, serta pihak-pihak lain yang berkepentingan. Sebagai Syarikat awam, kita juga mesti mematuhi kewajipan kita di bawah undang-undang sekuriti Amerika Syarikat untuk menyelenggarakan rekod yang tepat dan mendedahkan maklumat mengenai perniagaan dan prestasi kewangan kita mengikut masa yang ditetapkan. Anda boleh membantu untuk memastikan keutuhan rekod kita.

- Patuhi semua prinsip perakaunan yang diterima secara amnya, kawalan dalaman dan semua undang-undang, peraturan dan dasar Haemonetics yang berkenaan.
- Rekod semua butiran perakaunan dan transaksi perniagaan secara tepat, mengikut masa yang ditetapkan. Jangan palsukan atau ubah butiran dengan cara yang mengelirukan untuk menyalahnyatakan belanja, kos atau transaksi.
- Hantarkan rekod yang tepat kepada juruaudit dalaman dan luar dengan menepati masa.

- Jangan buka atau tutup akaun korporat tanpa kelulusan atau dokumen bertandatangan kecuali anda diberi kuasa.
- Mesti mampu menyandarkan semua laporan belanja dan invois pada dokumentasi sokongan sebelum menyerahkan atau membuat bayaran bagi pihak kita.



Bagaimanakah saya memberikan kesan terhadap rekod kita?

Anda memberikan kesan terhadap rekod kita apabila anda mengendalikan:

- Lembaran perakam masa
- Laporan belanja dan kewangan
- Data jualan
- Rekod keselamatan atau kualiti
- Pemfailan kawal atur
- Invois dan pesanan belian
- Rekod percukaian

Penyimpanan Rekod dan Pelaporan Kewangan yang Tepat

Mendokumenkan Integriti Kita

Menguruskan rekod dengan bertanggungjawab.

Keutuhan penting sepanjang kitaran hayat rekod kita. Anda hendaklah menguruskannya dengan teliti, walaupun anda tidak memasukkan apa-apa butiran:

- Jangan musnahkan dokumen yang harus kita simpan untuk menunaikan kewajipan kewangan, undang-undang atau percukaian kita, kecuali dibenarkan oleh dasar Haemonetics.
- Jangan palsukan dokumen atau langgar Tatakelakuan kita disebabkan tekanan, yang sebenar atau yang dirasakan, untuk mencapai matlamat kewangan atau hasil lain.
- Kendalikan dengan cermat dokumen yang tertakluk kepada pegangan undang-undang ataupun yang diperlukan dalam sesuatu penyiasatan atau prosiding undang-undang. Dalam keadaan begini, jangan musnahkan dokumen itu walaupun setelah melepasi tarikh pemusnahannya yang dijadualkan.
- Jika anda menyediakan maklumat untuk pihak berkuasa kerajaan atau kawal atur, lakukan dengan telus dan jaga rekod kita agar sentiasa teratur.

Mengetahui apa yang harus diperhatikan. Kita masing-masing bertanggungjawab memastikan diri kita sentiasa berwaspada dan melindungi rekod serta transaksi kita.

- Cari aktiviti seperti butiran yang tidak benar atau yang mengelirukan, butiran yang ditinggalkan, kos yang diletakkan pada projek yang salah, permintaan mengubah dokumen, serta aset, liabiliti atau wang yang tidak direkodkan.
- Cari bayaran dan pindahan wang yang luar biasa, atau ketidakteraturan lain dalam transaksi kita. Ini mungkin tanda pengubahan wang haram, iaitu wang yang dihasilkan secara haram (misalnya melalui keganasan atau perdagangan haram dadah) disalurkan melalui perniagaan yang sah.
- Pernahkah anda nampak tanda-tanda bahawa rekod kita dipalsukan, diubah atau disalahkendalikan? Laporkan kekhawatiran anda dengan segera.

Integriti Diamalkan

S: *Saya bekerja dalam bahagian Penjualan dan salah seorang pelanggan meminta agar saya mengubah invoisnya untuk menunjukkan harga yang lebih tinggi daripada yang sebenarnya dibayar dan juga untuk menyalahnyatakan negara penghantaran. Saya mahu memelihara hubungan saya yang baik dengan pelanggan ini, maka patutkah saya bersetuju melakukannya?*

J: Tidak, anda tidak patut melakukannya. Tiada sesiapa pun memegang kuasa untuk meminta agar rekod kita diubah atau disalahnyatakan. Pergi bercakap dengan penyelia anda sebelum mengambil tindakan selanjutnya.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pembayaran Ganti Belanja Perjalanan dan Perniagaan Global

Dasar Pengelasan, Tadbir Urus dan Penyimpanan Data Global

Pernyataan Global tentang Dasar Perakaunan

Dasar Kewangan Global - Pengiktirafan Hasil

Dasar Komunikasi Luar Global

Konflik Kepentingan

Keputusan yang Tidak Berat Sebelah. Hasil yang Lebih Baik.

Apabila kita bekerja untuk Haemonetics, setiap keputusan yang kita buat dan setiap tindakan yang kita ambil mesti didasarkan pada keperluan Syarikat kita. Janganlah kita meletakkan diri kita dalam situasi yang mungkin akan lebih mementingkan kepentingan peribadi kita daripada kepentingan Syarikat.



Cara Kita Bekerja

Belajar cara mengenali konflik yang mungkin berlaku. Konflik kepentingan wujud apabila kepentingan peribadi anda mengganggu atau seolah-olah mengganggu tanggungjawab anda kepada Haemonetics. Anda harus mengelakkan apa-apa hubungan yang boleh menjejaskan atau secara tidak wajarnya mempengaruhi kebolehan kita bekerja dengan objektif dan berkesan. Apa-apa aktiviti yang melibatkan konflik kepentingan yang boleh berlaku atau yang secara zahirnya berlaku mesti dikaji semula dan diluluskan oleh pihak pengurusan, atau dalam keadaan yang tertentu, oleh Lembaga Pengarah atau sesebuah Jawatankuasa Lembaga yang ditentukan sebelum aktiviti itu dilakukan.

Konflik kepentingan wujud dalam pelbagai bentuk dan saiz, dan boleh mempengaruhi keputusan yang kita buat bagi pihak Haemonetics.

Antara contoh konflik yang lazim berlaku ialah:

Hubungan peribadi – Sungguhpun Haemonetics membenarkan saudara-mara atau orang yang ada hubungan sama-sama bekerja di Syarikat ini, namun mereka tidak dibenarkan menyelia satu sama lain. Syarikat juga melarang pekerja mendapatkan khidmat ahli keluarga atau seseorang yang mempunyai hubungan peribadi yang rapat dengannya untuk menjalankan urusan Haemonetics, contohnya sebagai penjual. Hubungan seumpama ini juga boleh dipandang sebagai pilih kasih atau kelihatan seperti konflik.

Pekerjaan luar – Pekerjaan lain yang dilakukan selepas waktu kerja Haemonetics boleh menimbulkan konflik kepentingan jika pekerjaan itu memberikan kesan yang negatif terhadap pekerjaan anda dengan Syarikat kita atau jika anda bekerja untuk pelanggan, pembekal, pesaing atau entiti lain yang boleh meninggalkan kesan terhadap perniagaan Haemonetics.

Pelaburan peribadi – Pelaburan kewangan yang besar di dalam syarikat yang mengurus niaga dengan Haemonetics, bersaing dengan kita atau mahu mengurus niaga dengan kita boleh menimbulkan konflik kepentingan. Hal ini juga merangkumi pelaburan ahli keluarga.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

**MELINDUNGI
ORGANISASI KITA**

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Konflik Kepentingan

Keputusan yang Tidak Berat Sebelah. Hasil yang Lebih Baik.



Hadiah, pertolongan istimewa dan hiburan – Menghulurkan atau mengambil hadiah, diskaun atau apa-apa pertolongan istimewa yang lain daripada pembekal, penjual atau pihak ketiga yang lain boleh mempengaruhi keputusan yang anda buat, dengan itu menimbulkan atau membayangkan konflik kepentingan. Lindungi keputusan perniagaan anda daripada pengaruh yang tidak wajar dengan menolak apa-apa tawaran yang tidak berpatutan.

Peluang korporat – Menerima peluang untuk diri anda yang anda temui melalui kerja anda dengan Haemonetics, tanpa menawarkannya kepada Haemonetics dahulu, atau menggunakan harta benda atau maklumat Syarikat demi manfaat peribadi anda juga boleh menimbulkan konflik kepentingan ataupun menyebabkan anda bersaing dengan Syarikat kita.

Transaksi Pihak Berkait – Peraturan khas juga dikenakan jika anda pegawai eksekutif atau pengarah Haemonetics. Lihat Dasar Transaksi dengan Pihak yang Berkaitan kita untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.

Mengutamakan Haemonetics. Mungkin tidak selalunya mudah mengenali konflik kepentingan, tetapi anda boleh mengelakkannya:

- Ingatlah bahawa kita tidak memberikan atau menerima hadiah atau pertolongan istimewa jika tujuannya adalah untuk mempengaruhi sesuatu keputusan perniagaan.
- Beritahu penyelia anda, rakan niaga HR atau Jabatan Undang-undang dengan segera mengenai apa-apa situasi yang mungkin berupa konflik kepentingan. Apabila kami tahu mengenai situasi tersebut, kami boleh menolong menentukan anda sama ada terdapat konflik, dan jika ada, cara mengelakkannya.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Konflik Kepentingan

Keputusan yang Tidak Berat Sebelah. Hasil yang Lebih Baik.



Adakah ini konflik kepentingan? Tanya diri sendiri...

- Adakah anda, ahli keluarga anda atau kawan anda akan mendapat manfaat daripada hubungan ini?
- Bolehkah situasi ini membawa mudarat terhadap reputasi atau kepentingan perniagaan Haemonetics?
- Adakah anda akan menggunakan aset Haemonetics?
- Bolehkah orang lain sewajarnya memandangkan situasi ini sebagai konflik kepentingan?
- Adakah situasi ini akan mengganggu kerja yang anda lakukan untuk Haemonetics?
- Adakah anda pengarah atau pegawai eksekutif, yang dikenakan peraturan tambahan?

Integriti Diamalkan

S: Terdapat satu jawatan kosong di jabatan saya. Pelanggan saya menanya saya mengenainya kerana difikirkan anaknya sesuai sekali dengan peranan ini. Perlukah saya mendedahkannya jika dia memohon?

J: Ya, anda perlu mendedahkan situasi ini. Oleh sebab ini jabatan anda, mungkin tidak bersesuaian jika anak pelanggan bekerja bersama anda. Situasi ini boleh membayangkan layanan yang diutamakan. Penyelia anda, rakan niaga HR atau Jabatan Undang-undang boleh memberitahu anda sama ada situasi ini suatu konflik dan mengajar anda cara menanganinya.

S: Salah seorang penjual Haemonetics selalunya menghantar saya bakul buah-buahan pada musim percutian. Bolehkah saya menerimanya?

J: Boleh. Bakul buah-buahan biasanya tidak berapa mahal harganya dan oleh sebab anda menerimanya sekali-sekala sahaja, tidak besar kemungkinannya bahawa penerimaan hadiah ini akan mempengaruhi keputusan perniagaan anda secara tidak berpatutan. Jika begitu keadaannya, anda boleh menerima hadiah tersebut.

S: Selepas bekerja bersama-sama selama setahun, seorang penjual menghantar saya hadiah sebagai tanda terima kasih atas urusan niaga kita, iaitu tiket baris depan untuk menyaksikan sebuah konsert. Bolehkah saya menerimanya?

J: Menerima tiket yang mahal untuk menyaksikan konsert (atau lakonan pentas, acara sukan atau hadiah lain) daripada pelanggan, pembekal atau penjual boleh menimbulkan atau membayangkan konflik kepentingan yang boleh menjejaskan pertimbangan anda. Anda harus mengkaji semula tawaran ini dengan penyelia anda dan Jabatan Undang-undang sebelum menerimanya.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Transaksi dengan Pihak yang Berkaitan
Dasar Konflik Kepentingan Global



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Bercakap Bagi Pihak Organisasi Kita

Berkomunikasi dengan Teliti

Berkomunikasi secara konsisten dan tepat dengan pelanggan, pelabur dan komuniti kita sangat penting bagi kejayaan Haemonetics. Berkomunikasi begini juga menolong kita menunaikan kewajipan dan melindungi maklumat sulit kita, oleh itu kita pastikan bahawa hanya orang yang diberi kuasa sahaja bercakap bagi pihak Syarikat kita.



Cara Kita Bekerja

Memastikan mesej yang konsisten. Sebagai pekerja Haemonetics, apa yang kita cakap di luar tempat kerja kita boleh dianggap sebagai pernyataan rasmi Syarikat. Itulah sebabnya kita menugaskan orang yang terlatih untuk bercakap bagi pihak kita. Anda boleh menolong Haemonetics untuk memelihara komunikasi yang konsisten, profesional dan tepat mengenai Syarikat kita, perniagaan kita serta produk dan perkhidmatan kita.

- Pastikan hanya orang yang diberi kuasa sahaja memberikan ucapan atau penyampaian, atau bercakap semasa acara industri.
- Jangan bercakap bagi pihak Haemonetics jika anda tidak diberi kuasa, walaupun anda berniat baik dan anda nampak peluang menjawab sesuatu, sama ada yang positif, tidak benar atau mengelirukan, dan sama ada dalam talian atau dalam forum awam yang lain. Pergilah bercakap dengan Jabatan Komunikasi Global, penyelia anda atau Jabatan Undang-undang dahulu.
- Jika anda mendapat permintaan untuk memberikan komen bagi pihak Haemonetics, rujuklah permintaan daripada pelabur kepada Jabatan Perhubungan Pelabur dan rujuklah permintaan daripada pihak media (dan semua

permintaan lain) kepada Jabatan Komunikasi Global.

- Jika anda berkomunikasi dengan pegawai kerajaan atau mengemukakan laporan, dokumen atau dedahan maklumat, ingatlah kewajipan anda untuk dipertanggungjawabkan dan bersikap telus. Lihat tajuk Penyimpanan Rekod dan Pelaporan Kewangan yang Tepat untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.



Bagaimanakah cara saya mendapatkan kebenaran?

Sebelum anda bersetuju memberikan ucapan atau penyampaian, ataupun menyertai sesebuah panel bagi pihak Haemonetics:

1. Dapatkan kelulusan bertulis daripada penyelia anda dan Ketua Jabatan anda.
2. Beritahu dan dapatkan kelulusan daripada Jabatan Komunikasi Global.
3. Rujuk Dasar Komunikasi Luar Global untuk mengetahui semua kelulusan yang diperlukan.

Bercakap Bagi Pihak Organisasi Kita

Berkomunikasi dengan Teliti


Berhati-hati menggunakan media sosial. Haemonetics menyokong penggunaan media sosial secara bertanggungjawab, tetapi siaran yang kurang berhati-hati atau tidak berpatutan boleh merosakkan Syarikat kita atau reputasi kita. Beringatlah ketika anda menggunakan media sosial:

- Apabila menyiarkan sesuatu pada saluran media sosial, bilik sembang atau forum awam yang lain, nyatakan dengan jelas bahawa anda pekerja Haemonetics, tetapi pendapat yang anda berikan ialah pendapat peribadi anda dan tidak mencerminkan mana-mana kedudukan Syarikat yang rasmi. Jangan timbulkan tanggapan bahawa anda jurucakap Haemonetics yang rasmi.
- Tunjukkan sikap yang positif dan produktif apabila menyiarkan apa-apa pada media sosial. Dalam mana-mana interaksi, pastikan komen yang anda berikan itu membantu, bertimbang rasa dan bersopan, serta sentiasa selaras dengan Nilai-nilai, Tatakelakuan dan dasar-dasar kita.
- Jangan siarkan pada media sosial apa-apa bahan yang sulit, menyalahi undang-undang atau melanggar dasar-dasar Haemonetics, yang berkait dengan kelakuan pekerja.

Integriti Diamalkan

S: Semasa menghadiri acara perangkaian industri, saya diperkenalkan kepada seorang wartawan. Kami berbual-bual kosong dan dia bertanya mengenai sebuah projek yang berterusan di Haemonetics, yang melibatkan pasukan saya. Hanya bahagian-bahagian projek ini yang tertentu sahaja sulit, dan projek ini secara keseluruhannya berjalan dengan baik. Saya berasa selesa menceritakan kepadanya perkembangan terkini mengenai bahagian-bahagian projek yang tidak sulit, yang sedang diusahakan oleh pasukan saya. Saya juga berasa bahawa jika saya memberinya maklumat ini sekarang, dia barangkali akan membuat liputan yang bagus tentang kita dalam terbitannya pada masa akan datang. Adakah ini dibenarkan?

J: Tidak. Para pekerja tidak sepatutnya berbual-bual atau berkongsi maklumat dengan pihak media melainkan pekerja itu telah diizinkan secara khususnya oleh Jabatan Komunikasi Global untuk bertindak sebagai jurucakap yang diberi kuasa bagi Syarikat kita. Jangan berikan apa-apa maklumat selanjutnya. Sebaliknya, sama ada sulit ataupun tidak, pekerja itu sepatutnya menghulurkan tawaran menghubungkan wartawan itu dengan Jabatan Komunikasi Global untuk mendapatkan pencerahan dan butir-butir selanjutnya mengenai projek tersebut.



Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Komunikasi Luar Global
Dasar Pencegahan Diskriminasi dan Pencegahan Gangguan

Berlaku Betul



Di Haemonetics, kita bekerja keras untuk menghasilkan inovasi, mendorong kemungkinan yang lebih besar dalam bidang penjagaan kesihatan, dan yang paling penting, melakukan semua ini dengan berintegriti dan komitmen untuk berlaku betul.

Kepatuhan Undang-undang dan Kawal Atur	37
Interaksi dengan Pakar Kesihatan	39
Dasar Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah	41
Persaingan Adil	44
Amalan Pemasaran dan Penjualan	46
Transaksi Antarabangsa	48
Perdagangan Orang Dalam	51



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Kepatuhan Undang-undang dan Kawal Atur

Kecemerlangan melalui Kepatuhan

Sebagai anggota industri penjagaan kesihatan, Haemonetics bertanggungjawab mendukung undang-undang dan peraturan yang berkenaan dengan perniagaan, produk dan perkhidmatan kita di seluruh dunia. Kita faham bahawa undang-undang ini digubal untuk melindungi pesakit, penderma, pelanggan dan pelabur yang menerima khidmat kita. Itulah sebabnya kita komited mendukung undang-undang, mengikut maksudnya yang tersurat dan yang tersirat, walau di mana sahaja kita mengurus niaga.



Cara Kita Bekerja

Memahami apa yang dikehendaki. Industri kita dikawal atur dengan ketat, dan undang-undang yang dikenakan terhadap kita berbeza-beza di setiap negara.

- Pastikan anda faham kesan undang-undang ini terhadap kerja anda dan terhadap cara Haemonetics:
 - Mengilang, mengedarkan dan menyokong produk-produk kita
 - Menjalankan penyelidikan dan pembangunan
 - Mempromosikan, memasarkan dan menjual produk dan perkhidmatan kita
 - Berinteraksi dengan Pakar Kesihatan (HCP), Organisasi Penjagaan Kesihatan (HCO) dan wakil-wakil kerajaan
- Jalani segala latihan yang diperlukan supaya seiring dengan undang-undang dan apa-apa perubahan yang boleh menjejaskan kerja anda.



Apabila undang-undang bercanggah.

Ketahui bahawa undang-undang berbilang negara mungkin berkenaan, bergantung pada tempat anda mengurus niaga. Jika undang-undang seolah-olah bercanggah, patuhi keperluan yang lebih tegas. Jika anda ragu-ragu, hubungi Jabatan Undang-undang untuk memohon panduan.

Menggalakkan pematuhan. Kegagalan mematuhi undang-undang dan peraturan boleh membawa akibat yang serius, bagi Haemonetics dan juga bagi anda, termasuklah kerosakan reputasi kita serta hukuman sivil dan jenayah. Kami mengharapkan anda untuk membantu kami patuh. Sebagai pekerja Haemonetics, anda dikehendaki:

- Mendukung Nilai-nilai Syarikat dan bertindak dengan berintegriti dalam segala perbuatan anda.
- Mematuhi semua undang-undang, garis panduan dan peraturan industri yang berkaitan dengan kerja anda.

Kepatuhan Undang-undang dan Kawal Atur

Kecemerlangan melalui Kepatuhan



Melaporkan pelanggaran yang mungkin berlaku.

Kita masing-masing bertanggungjawab melaporkan aktiviti yang boleh melanggar undang-undang dan peraturan yang dikenakan.

- Berwaspadalah dan perhati untuk mencari situasi yang boleh melanggar undang-undang, peraturan, dasar-dasar kita atau piawaian kita yang tinggi. Jangan ketepikan kekhawatiran anda mahupun mengambil sikap “tunggu dan lihat”.
- Laporkan kekhawatiran anda dengan segera. Kami menganggap setiap kekhawatiran sebagai serius dan menyiasatnya dengan segera. Ingat, kegagalan berkata sesuatu mengenai pelanggaran boleh mengakibatkan tindakan tatatertib.

Jika anda kurang pasti tentang perkaitan undang-undang atau peraturan yang tertentu dengan anda atau kerja anda, mohon panduan. Pergi bercakap dengan penyelia anda atau hubungi Jabatan Undang-undang.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Interaksi dengan Pakar Kesihatan

Perkongsian Beretika

Interaksi yang positif, produktif dan berjangka panjang dengan pakar kesihatan (HCP) penting bagi Misi Haemonetics, iaitu menghasilkan produk dan perkhidmatan teknologi perubatan yang inovatif, yang meningkatkan kualiti, keberkesanan dan kecekapan khidmat penjagaan. Usaha sama dengan HCP membolehkan Haemonetics menghasilkan produk yang berkualiti tinggi, mendidik orang lain tentang cara menggunakan produk ini dengan selamat dan berkesan, dan memastikan hasil klinikal yang sebaik-baiknya bagi pelanggan, pesakit dan penderma.



Cara Kita Bekerja

Mematuhi piawaian yang tinggi. Undang-undang dan peraturan industri di sekitar dunia menetapkan piawaian yang tinggi pada cara kita berinteraksi dengan HCP. Penting bahawa pekerja Haemonetics dan mana-mana pihak ketiga yang mewakili kita mematuhi piawaian yang tinggi ini. Kegagalan berbuat demikian boleh membawa akibat yang buruk dan menjejaskan reputasi Haemonetics serta kebolehan kita mengurus niaga di sekitar dunia.

Berinteraksi secara berhati-hati dengan pakar kesihatan. Di Haemonetics, kita cuba mengelakkan walau bayangan pengaruh yang tidak berpatutan dalam interaksi kita dengan HCP. Jika anda berinteraksi dengan HCP sebagai sebahagian daripada kerja anda:

- **Berintindaklah secara berintegriti setiap kali dan pastikan bahawa Haemonetics berjaya atas merit kerja kita dan bukannya disebabkan interaksi yang tidak beretika.**

- **Jangan cuba mempengaruhi pertimbangan HCP secara tidak berpatutan, misalnya menawarkan sesuatu yang berharga kepada pakar kesihatan untuk menggalakkan beliau agar mempreskripsikan, menggunakan, membeli atau mengesyorkan produk atau perkhidmatan kita. Lihat tajuk [Pematuhan Undang-undang dan Kawal Atur](#) untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.**



Bercakap dengan Pakar Kesihatan?

Jika anda membincangkan produk-produk kita dengan Pakar Kesihatan, anda perlu lebih berhati-hati. Ingatlah bahawa peraturan khas dikenakan terhadap interaksi kita dengan mereka, oleh itu elakkan apa-apa sahaja yang boleh kelihatan seperti tawaran yang tidak berpatutan.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA



Interaksi dengan Pakar Kesihatan

Perkongsian Beretika

Menghormati keputusan HCP. Amat penting bahawa HCP menggunakan pertimbangannya sendiri dan membuat keputusan dengan sendiri demi kebaikan pesakitnya:

- Pastikan HCP mendapat maklumat yang terkini dan paling tepat yang ada mengenai produk dan perkhidmatan kita.
- Jangan bercampur tangan dalam hubungan HCP dengan pesakit melalui percubaan mempengaruhi saranan perubatannya. Berikan tumpuan terhadap usaha mendidik HCP tentang cara menggunakan produk-produk kita dengan betul.

Berian perniagaan. Dasar-dasar kita yang berkait dengan hadiah, jamuan makan minum dan hiburan penting diikuti.

- Kita tidak menghulurkan apa-apa kepada HCP jika tujuannya adalah untuk mempengaruhi sesuatu keputusan perniagaan.
- Kita tidak memberikan wang tunai atau kesetaraan tunai seperti kad hadiah.
- Kita tidak menyediakan sebarang jenis hiburan, termasuklah tiket untuk acara sukan, teater atau konsert.
- Jamuan makan minum boleh diberikan hanya jika jamuan itu berkait dengan perbincangan perniagaan yang cukup mustahak dan tidak

seberapa nilainya. Pasangan dan tetamu lain tidak dibenarkan menghadiri jamuan makan minum untuk HCP. Lihat dasar-dasar HCP kita untuk mendapatkan panduan yang lebih khusus.

- Beringatlah bahawa sebarang jenis hadiah (walau berapa pun nilainya, walaupun yang kecil) untuk HCP mungkin dilarang oleh undang-undang, tanpa mengira niat, maka ikutilah dasar kita pada setiap masa dan dapatkan kepastian daripada Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan jika anda kurang pasti.

Integriti Diamalkan

S: Saya sedang menyusun sebuah penyampaian untuk mendidik beberapa HCP mengenai produk-produk kita. Oleh sebab penyampaian ini akan mengambil masa sehari suntuk, saya ingin membawa mereka keluar makan stik yang istimewa selepas kami selesai sebagai tanda terima kasih daripada kita. Adakah ini dibenarkan?

J: Tidak, itu tidak dibenarkan. Apabila berurusan dengan HCP, kita mesti berhati-hati terutamanya untuk mengikuti piawai etika yang tinggi tentang hadiah, jamuan makan minum dan hiburan agar dapat mengelakkan walau

bayangan sesuatu yang tidak wajar. Jamuan makan minum yang ditawarkan mestilah sederhana dan berkait dengan penyampaian atau perbincangan perniagaan mustahak yang sebenar itu. Jamuan makan minum yang diberikan kepada HCP sebagai "tanda terima kasih kita" tidak berpatutan.

S: Baru-baru ini saya bercakap dengan seorang HCP yang sedang cuba membuat keputusan sama ada hendak membeli salah satu produk kita. Dia juga menyebut tentang sebuah badan amal yang menerima khidmatnya dan itu salah satu badan amal yang sangat ingin saya sokong. Adakah saya dibenarkan menderma kepada badan amal ini juga?

J: Tidak, itu tidak dibenarkan. Walaupun anda berniat baik, namun sumbangan derma anda itu boleh kelihatan seolah-olah anda sedang cuba mempengaruhi pertimbangan HCP itu. Cari badan amal lain untuk disokong atau cara lain menyokong perjuangan yang menarik minat anda itu.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Global tentang Interaksi dengan Pakar Kesihatan dan Organisasi Kesihatan

Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah

Mencapai Kejayaan Secara Beretika

Apabila kita berjaya dalam perniagaan, kita berjaya kerana kita telah berusaha mendapatkannya. Kita tidak mahu menang berdasarkan sogokan atau perbuatan rasuah, yang akan memudaratkan reputasi kita dan melanggar Tatakelakuan kita, undang-undang dan komitmen kita terhadap usaha mendukung piawai etika yang tertinggi. Di Haemonetics, kita komited mematuhi undang-undang pencegahan sogokan dan pencegahan rasuah di mana-mana sahaja kita beroperasi dan kita menghendaki pihak ketiga yang bekerja dengan kita turut berbuat demikian.



Cara Kita Bekerja

Mengetahui undang-undang di mana-mana tempat anda bekerja. Undang-undang yang melarang penyogokan dan rasuah berbeza-beza di sekitar dunia, tetapi semuanya menegah perbuatan yang tidak beretika seperti makan suap, sogokan dan pertolongan istimewa lain yang tidak berpatutan:

- Fahami undang-undang yang berkenaan dengan anda. Juga fahami akibat melanggar undang-undang ini, yang boleh merangkumi hukuman penjara dan denda.
- Mohon panduan daripada [Jabatan Undang-undang](#) jika anda kurang pasti mengenai sesuatu undang-undang atau peraturan, atau jika undang-undang di beberapa negara seolah-olah bercanggah.

Bekerja secara beretika dengan pihak ketiga. Sebagai pekerja Haemonetics, kita bertanggungjawab terhadap tindakan kita sendiri dan juga terhadap tindakan pihak ketiga yang mewakili kita, termasuklah pembekal, penjual, pengedar dan ejen penjualan:

- Jika anda memilih atau bekerja dengan rakan niaga pihak ketiga kita, pastikan mereka tertakluk kepada proses risikan latar belakang Haemonetics. Pilih hanya organisasi yang jujur dan bereputasi baik sahaja, dan pantau kerja mereka untuk memastikan mereka berkongsi komitmen kita untuk bertindak secara berintegriti.
- Jangan huluskan atau terima daripada pihak ketiga apa-apa yang mungkin kelihatan seperti percubaan mempengaruhi sesuatu keputusan perniagaan, walaupun itu nampaknya seperti cara yang paling cekap untuk melakukan sesuatu. Lihat tajuk [Interaksi dengan Pakar Kesihatan](#) untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.
- Jangan belakangi perbuatan yang tidak beretika. [Cakap sesuatu](#) dengan segera jika anda tahu tentang penyogokan yang mungkin berlaku.
- Biar rakan-rakan niaga anda tahu apa yang kita kehendaki mengenai tingkah laku begini. Beritahu Kehendak Kita terhadap Pembekal.

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITAMEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITAKOMITMEN
TERHADAP
KUALITIMENGHORMATI
SATU SAMA LAINMELINDUNGI
ORGANISASI KITA**BERLAKU BETUL**MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah

Mencapai Kejayaan Secara Beretika



Bagaimanakah rupa sogokan?

Sogokan boleh mengambil pelbagai bentuk, termasuk:

- Jamuan makan minum atau hiburan
- Hadiah (walau apa saiznya)
- Tawaran pekerjaan
- Diskaun
- Wang tunai atau kesetaraan tunai seperti kad hadiah
- Kedudukan atau syarat pemberian kontrak yang diutamakan
- Sumbangan amal

Berhati-hatilah terutamanya apabila berurusan dengan pegawai kerajaan.

Ingatlah bahawa interaksi dengan mana-mana wakil kerajaan (termasuklah pekerja entiti milik kerajaan, misalnya hospital yang dikendalikan oleh kerajaan) dikehendaki menepati piawaian integriti yang lebih tinggi lagi.

- Beberapa undang-undang melarang kita mempengaruhi pegawai kerajaan dengan sekeras-kerasnya. Ketahui dan patuhi undang-undang ini.
- Jangan bayar atau mudahkan hiburan, perjalanan peribadi atau sebarang jenis rekreasi untuk mana-mana pegawai kerajaan.
- Jangan buat bayaran pemudah atau “pelincir” kepada pegawai kerajaan untuk mempercepatkan tindakan kerajaan yang rutin, walau betapa kecilnya (atau lazimnya) bayaran begitu di tempat anda mengurus niaga.
- Jangan hulurkan, cuba hulurkan atau ambil sebarang jenis makan suap atau bayaran yang berkaitan dengan kontrak kerajaan atau komisen yang bergantung pada kejayaan anda mendapatkan kontrak.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Pencegahan Sogokan dan Pencegahan Rasuah

Mencapai Kejayaan Secara Beretika



Integriti Diamalkan

Q: Semasa mengkaji sebuah laporan belanja, saya ternampak suatu bayaran yang besar kepada doktor yang memberikan nasihat tentang perkhidmatan yang berkaitan dengan pemerolehan kelulusan bagi suatu produk baharu. Tiada dokumentasi sokongan yang mengiringinya. Patutkah saya berkata sesuatu?

J: Ya, anda patut. Bayaran kepada HCP atas khidmat nasihatnya tertakluk kepada dasar HCP dan proses kelulusan kita. Bayaran kepada HCP atas khidmat nasihatnya hendaklah mengikuti proses pembayaran dalaman yang betul dan tidak sepatutnya dikemukakan pada laporan belanja pekerja. Jika orang yang mengemukakan belanja itu tidak menyediakan dokumentasi yang betul, atau jika anda mengesyaki bahawa dasar-dasar kita dilanggar, hubungi penyelia anda, Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan untuk melaporkan kekhawatiran anda dengan segera.

S: Saya sedang bekerja dengan seorang pakar runding di negara lain untuk mendapatkan suatu perakuan yang khusus bagi kilang kita di sini. Pakar runding itu berkata bahawa kita boleh mempercepatkan prosesnya jika kita membuat

suatu bayaran kecil yang memang biasa dibuat. Adakah ini dibenarkan asalkan saya tidak membayarnya terus kepada pegawai kerajaan?

J: Tidak, itu tidak dibenarkan. Kita tidak membuat bayaran begini untuk mempercepatkan mana-mana tindakan kerajaan, sama ada dibayar terus kepada pegawai itu ataupun melalui pakar runding. Jangan buat bayaran itu dan pergi bercakap dengan Jabatan Undang-undang atau Jabatan Pematuhan untuk mendapatkan panduan tambahan.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Global tentang Interaksi dengan Pakar Kesihatan dan Organisasi Kesihatan
SOP Global tentang Perisikan Latar Belakang Pihak Ketiga
Dasar Pencegahan Sogokan / Pencegahan Rasuah (ABAC) Global
Kehendak terhadap Pembekal



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Persaingan Adil

Bersaing Mengikut Peraturan

Menggunakan taktik yang tidak adil dan tidak selaras dengan undang-undang untuk berjaya akan memudaratkan medan perniagaan dan juga komuniti serta masyarakat yang menerima khidmat kita. Atas sebab itulah Haemonetics hanya bergantung pada kekuatan kita sendiri. Kita tidak mengikut amalan yang melanggar undang-undang persaingan dan menghalang orang lain daripada bersaing.



Cara Kita Bekerja

Mematuhi undang-undang, walau di mana pun anda bekerja. Anda dapat membantu Haemonetics menyokong persaingan yang adil dan mengelakkan bayangan aktiviti yang menghalang persaingan:

- Jika anda berurusan dengan pesaing, pelanggan atau rakan niaga dalam kerja anda, fahami bahawa undang-undang persaingan dikenakan terhadap anda. Undang-undang ini berbeza di setiap negara tetapi semuanya melibatkan kejujuran dalam interaksi anda. Ketahui undang-undang yang dikenakan walau di mana anda bekerja.
- Hubungi Jabatan Undang-undang untuk memohon panduan jika anda kurang pasti tentang sesuatu undang-undang, perjanjian atau interaksi secara khususnya.

Berhati-hati dalam setiap perbualan. Jika anda berinteraksi dengan pesaing semasa pertunjukan dagang atau acara industri yang lain, berwaspada akan perbualan yang menghalang persaingan:

- Elakkan perbualan yang berkait dengan tajuk-tajuk persaingan, misalnya syarat kontrak, harga atau bidaan.
- Jika anda mendapati diri anda terbabit dengan perbualan yang menghalang persaingan, hentikan perbualan itu dan terangkan bahawa perbualan

itu tidak berpatutan. Kemudian tinggalkan situasi tersebut dan beritahu Jabatan Undang-undang.



Adakah perbualan begini dengan pesaing dibenarkan?

Tanya diri sendiri: Adakah kami bercakap mengenai...

- Cara menetapkan harga produk atau perkhidmatan, atau syarat penjualan?
- Cara menghalang pesaing baharu memasuki pasaran?
- Cara menentukan produk atau perkhidmatan yang patut ditawarkan?
- Cara membahagi-bahagikan pasaran, pelanggan atau wilayah penjualan?
- Cara menyekat penjualan semula produk?
- Cara memulaukan sesuatu pesaing atau pelanggan?
- Apa-apa maklumat strategik, misalnya teknologi baharu dan program R&D?

Jika jawapannya "ya" bagi mana-mana soalan ini, anggaplah itu sebagai tanda amaran untuk menghentikan perbualan tersebut.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Persaingan Adil

Bersaing Mengikut Peraturan



Mengutip maklumat persaingan secara beretika.

Jika anda menyelidik maklumat persaingan untuk kerja anda:

- Gunakan hanya maklumat yang dijumpai melalui sumber awam (misalnya laman web, rencana dan siaran akhbar).
- Jangan terima atau gunakan maklumat yang telah diperoleh secara haram atau secara tidak beretika, misalnya maklumat sulit syarikat lain.
- Penyertaan dalam aktiviti persatuan industri teknologi perubatan tidak boleh menjadi pelantar untuk berkongsi maklumat sulit. Sebagai contoh, walau penerimaan maklumat yang tidak diketahui umum tentang teknologi baharu pesaing pun boleh membawa masalah. Jika anda mendapat maklumat yang tidak diketahui umum mengenai sesebuah pesaing, anda harus melaporkannya kepada [Jabatan Undang-undang](#).

Integriti Diamalkan

S: Saya terjumpa seseorang di sebuah pertunjukan dagang yang pernah bekerja dengan pesaing kita. Dia berkongsi sedikit maklumat tentang barisan produk baharu yang sedang dihasilkan oleh bekas majikannya. Adakah saya dibenarkan berkongsi maklumat ini dengan Haemonetics?

J: Tidak, itu tidak dibenarkan. Orang ini mungkin berkongsi maklumat sulit mengenai bekas majikannya yang tidak diketahui umum. Menggunakan maklumat ini untuk menguntungkan kita ialah perbuatan yang melanggar komitmen kita untuk menyokong persaingan yang adil dan jujur.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pematuhan Antipakat



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Amalan Pemasaran dan Penjualan

Janji yang Boleh Kita Tunaikan

Di Haemonetics, kita bersikap telus dan kita menyampaikan maklumat yang benar. Kita komited melahirkan integriti dalam amalan pemasaran dan penjualan kita. Apa yang boleh dan yang tidak boleh kita katakan mengenai produk kita biasanya dikawal atur dengan rapi dan terikat oleh maklumat khusus yang diberikan kepada pihak-pihak berkuasa kawal atur di sekitar dunia.



Cara Kita Bekerja

Melahirkan integriti dan kejujuran. Jika anda mempromosikan produk atau perkhidmatan Haemonetics, anda memikul tanggungjawab berkomunikasi secara jujur:

- Berikan hanya bahan-bahan yang diluluskan tentang produk dan perkhidmatan yang kita tawarkan.
- Patuhi semua undang-undang periklanan yang dikenakan terhadap kita, iaitu jangan buat dakwaan palsu mengenai produk kita, mahupun mengenai produk pesaing kita. Pasarkan atau promosikan produk kita hanya bagi tujuannya yang diluluskan.
- Ingatlah bahawa kita boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang tafsiran munasabah yang boleh dibuat oleh seseorang tentang dakwaan yang kita buat. Berikan tumpuan pada ketepatan dan ketelusan sepenuhnya.
- Pastikan gambar-gambar yang kita gunakan, jika ada, mewakili produk kita dengan tepat.
- Elakkan perbuatan yang boleh membayangkan situasi yang tidak berpatutan, seperti merendah-rendahkan pesaing, membesar-besarkan dakwaan atau komunikasi pemasaran lain yang mengabui mata.

Perlu mampu menyokong dakwaan kita. Kita mesti ada fakta-fakta yang kukuh untuk menyokong dakwaan yang kita buat. Jika anda terlibat melabelkan atau memasarkan produk:

- Bersedialah menyokong mana-mana dakwaan mengenai produk kita dengan bukti saintifik yang berdokumen, sama ada berdasarkan penyelidikan kita ataupun penemuan lain yang telah dikutip dengan adil dan telah disahkan.
- Dapatkan kelulusan yang diperlukan bagi dakwaan yang kita buat, sebelum menyiarkan mana-mana bahan periklanan atau promosi.
- Jangan ubah data klinikal kita dengan apa-apa cara pun dan jangan ubah label pada produk kita tanpa mendapatkan kelulusan dahulu.

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Amalan Pemasaran dan Penjualan

Janji yang Boleh Kita Tunaikan



Promosikan produk dengan jujur

Ingat, produk kita mempunyai tujuan khusus yang dimaksudkan baginya dan janganlah kita menyalahnyatakan tujuan itu untuk mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh seseorang HCP. Promosikan produk kita hanya untuk kegunaannya yang diluluskan.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Periklanan dan Promosi Global



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Transaksi Antarabangsa

Integriti tanpa Sempadan

Di Haemonetics, kita mengurus niaga di seluruh dunia. Bekerja pada peringkat antarabangsa memberi kita peluang mencapai pasaran baharu di samping membawa produk dan perkhidmatan kita kepada manusia di semua tempat. Ini juga suatu tanggungjawab yang amat berat, kerana pelbagai undang-undang dikenakan terhadap kita, daripada kawalan dan peraturan perdagangan sehinggalah kepada undang-undang dan larangan pemuluan. Kita komited menjalankan pengimportan dan pengeksportan secara beretika dan patuh di mana-mana tempat kita mengurus niaga.



Cara Kita Bekerja

Mengetahui dan mematuhi kawalan eksport. Jika kerja anda melibatkan transaksi antarabangsa (termasuklah pemindahan barangan, perisian, kod sumber, teknologi atau perkhidmatan), anda bertanggungjawab mematuhi undang-undang yang dikenakan terhadap Haemonetics dan juga terhadap rakan niaga, pelanggan dan pihak ketiga kita:

- Berikan perhatian khas terhadap undang-undang yang meliputi aktiviti import dan eksport, misalnya:
 - Pengelasan
 - Kelulusan penghantaran
 - Penyaringan rakan niaga
 - Embargo dan larangan perdagangan
 - Pelesenan
 - Dokumentasi dan pelaporan
 - Penyimpanan rekod

Melanggar undang-undang ini boleh menyebabkan hukuman sivil dan jenayah, malah mungkin penggantungan hak keistimewaan kita menjalankan perdagangan antarabangsa.

- Berhati-hatilah terutamanya dengan rakan niaga yang membekalkan kepada Haemonetics barangan, perisian, kod sumber, perkhidmatan dan teknologi yang memerlukan lesen eksport. Pastikan mereka memberitahu kita cara barang-barang dikelaskan, termasuklah penentuan lesen jika ada, secara bertulis.
- Ketahui peraturan yang berkaitan dengan larangan dan kawalan eksport, dan pastikan "penggunaan akhir" produk itu patuh. Ini merangkumi pemindahan barangan, perisian, kod sumber, teknologi dan perkhidmatan.
- Jika anda mendapati bahawa undang-undang pematuhan perdagangan antarabangsa bercanggah dengan undang-undang Amerika Syarikat ataupun dengan Tatakelakuan atau dasar-dasar Haemonetics, hubungi Jabatan Undang-undang.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Transaksi Antarabangsa

Integriti tanpa Sempadan

➔ Transaksi antarabangsa dijalankan dengan beretika apabila...

- Kita mematuhi semua keperluan kawal atur.
- Rekod semuanya tepat, telus dan lengkap.
- Kita tidak membuat bayaran pemudah.
- Nilai yang telah diisytiharkan dengan betul digunakan untuk mendapatkan kelulusan import dan eksport.
- Destinasi terakhir diketahui dan disahkan.
- Transaksi tidak melibatkan perdagangan dengan negara yang disekat mahupun dengan pihak atau orang yang dilarang tanpa mendapatkan kebenaran yang diperlukan dahulu daripada pihak kerajaan.
- Kita tidak menyertai pemuluan mana-mana negara.

Berdagang dengan rakan-rakan yang berkongsi Nilai-nilai kita:

- Jika anda terlibat memilih rakan niaga atau pihak ketiga antarabangsa, lakukan seberapa banyak penyelidikan yang boleh untuk memastikan mereka beroperasi secara beretika dan menyokong Nilai-nilai kita.
- Pantau hubungan dengan pihak ketiga untuk mencegah kemungkinan berlakunya pelanggaran undang-undang perdagangan. Jika anda mengesyaki berlakunya pelanggaran, laporkan kekhawatiran anda dengan segera.



Integriti Diamalkan

S: Saya mendapati bahawa suatu invoice nampaknya tidak sepadan dengan bahan-bahan yang kami terima dalam sebuah penghantaran antarabangsa. Amaun yang perlu dibayar kurang daripada apa yang kami jangka. Oleh sebab hal ini menguntungkan kami, patutkah saya berkata sesuatu?

J: Ya, anda patut. Invoice mestilah tepat setiap kali, tanpa mengira sama ada sesuatu situasi itu menguntungkan Syarikat kita ataupun tidak. Tunjukkan perbezaan itu kepada penyelia anda dengan segera.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pematuhan Perdagangan Global
SOP Global tentang Perisikan Latar Belakang Pihak Ketiga



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Perdagangan Orang Dalam

Pelaburan Beretika

Kita tidak melakukan perdagangan orang dalam. Kita tidak mendedahkan maklumat yang tidak diketahui umum mengenai Haemonetics atau syarikat-syarikat lain yang kita ketahui melalui pekerjaan kita atau melalui penglibatan lain dengan Haemonetics, dan kita tidak akan menggunakan maklumat itu demi manfaat peribadi mahupun untuk menguntungkan orang lain.



Cara Kita Bekerja

Memahami perdagangan orang dalam.

Perdagangan orang dalam yang haram berlaku apabila anda menjual beli saham atau sekuriti lain Haemonetics atau pihak ketiga yang berurus niaga dengan kita sementara anda memiliki maklumat penting yang tidak diketahui umum tentang Haemonetics atau pihak ketiga itu. Perdagangan orang dalam juga merangkumi pemberian tip kepada orang lain mengenai maklumat sedemikian. Perbuatan ini adalah suatu pelanggaran yang serius, yang boleh memudaratkan pasaran sekuriti dan reputasi Syarikat. Perdagangan orang dalam juga menyalahi undang-undang dan membawa hukuman yang besar, termasuklah dipecat, dikenakan denda, malah dipenjarakan. (Lihat Dasar Perdagangan Sekuriti kita untuk mendapatkan maklumat selanjutnya.) Mula dengan memahami asasnya:



Maklumat apakah yang diliputi oleh Dasar Perdagangan Sekuriti Haemonetics?

- Garis panduan tentang cara mematuhi undang-undang dan peraturan sekuriti yang berkait dengan perdagangan sekuriti Haemonetics dan pihak ketiga
- Dasar-dasar Haemonetics yang menentang perdagangan orang dalam dan perdagangan lain yang tertentu, yang bersifat agresif atau spekulatif, termasuk larangan melindungi nilai sekuriti Haemonetics
- Maklumat tentang dasar-dasar Haemonetics tentang perdagangan sebelum mendapat kelulusan dan semasa tempoh larangan
- Maklumat tentang rancangan perdagangan 10b5-1 dan pengecualian yang tertentu daripada larangan berdagang di bawah dasar ini



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Perdagangan Orang Dalam Pelaburan Beretika

Maklumat penting – Maklumat yang boleh menjejaskan harga saham sesebuah syarikat jika diketahui umum atau yang besar kemungkinannya akan dianggap sebagai penting oleh pelabur apabila membuat keputusan sama ada hendak membeli, menjual atau memegang sekuriti. Maklumat penting merangkumi maklumat yang positif dan yang negatif, yang menguntungkan dan yang merugikan, termasuklah:

- Perubahan pada barisan pengurusan kanan
- Hasil pencapaian, unjuran dan ramalan kewangan
- Berita tentang pemerolehan, penjualan, penggabungan atau pelupusan yang mungkin akan berlaku
- Peristiwa penting yang berkait dengan produk-produk syarikat, termasuklah pelancaran, pemanggilan balik dan perundingan kontrak

Maklumat yang tidak diketahui umum –

Maklumat yang mungkin hanya diketahui oleh orang di dalam syarikat atau yang bekerja bagi pihak syarikat kerana maklumat ini belum diumumkan kepada orang awam.

Mengetahui tanggungjawab anda – Jika dari semasa ke semasa anda mendapat maklumat penting yang tidak diketahui umum tentang Haemonetics, pelanggan kita atau pihak-pihak ketiga lain yang anda ketahui melalui pekerjaan anda atau melalui penglibatan lain dengan Haemonetics, anda memikul tanggungjawab penting:

- Jangan dedahkan maklumat penting yang tidak diketahui umum kepada orang lain. Sebaliknya, lindungi maklumat itu.
- Jangan berjual beli sekuriti Haemonetics atau sekuriti mana-mana syarikat lain sementara anda mengetahui maklumat penting yang tidak diketahui umum.
- Jangan dedahkan maklumat dalam kepada orang lain kecuali terdapat keperluan perniagaan yang sah untuk mengetahuinya. Jika anda mendedahkan maklumat sedemikian kepada ahli keluarga, kawan-kawan atau orang lain dan mereka berdagang berdasarkan itu, anda boleh dipertanggungjawabkan atas kesalahan “memberikan tip”, yang juga menyalahi undang-undang.

- Baca dengan teliti dan patuhi Dasar Perdagangan Sekuriti Haemonetics. Jika anda ingin bertanya tentang Dasar Perdagangan Sekuriti kita, termasuklah sama ada anda dibenarkan berdagang, hubungi [Jabatan Undang-undang](#).
- Beringatlah bahawa perbuatan yang melanggar undang-undang perdagangan orang dalam dan Dasar Perdagangan Sekuriti Haemonetics boleh membawa akibat yang serius terhadap sesiapa yang terlibat, termasuklah pembuangan kerja, penyiasatan jenayah, denda dan tempoh penjara.



Perdagangan Orang Dalam Pelaburan Beretika



Integriti Diamalkan

S: Saya terdengar perbualan seorang rakan sekerja saya dengan pelanggan yang melibatkan kemungkinan bahawa seorang eksekutif berpangkat C di syarikat pelanggan itu akan meninggalkan syarikat. Oleh sebab tiada sesiapa pun yang sebenarnya memberi saya maklumat ini sebagai tip, bolehkah saya menggunakannya untuk menjual saham yang saya miliki di dalam syarikat pelanggan itu?

J: Tidak, itu tidak dibenarkan. Walaupun anda sendiri tidak diberi maklumat ini sebagai tip, namun anda mendapat tahu tentangnya melalui pekerjaan anda, dan maklumat ini tidak diketahui umum. Jangan berdagang sementara anda mengetahuinya sehinggalah maklumat ini diumumkan kepada orang awam, misalnya melalui siaran akhbar.

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Perdagangan Sekuriti



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Menghormati Komuniti Kita



Kita memainkan peranan kita supaya manusia dapat menjalani kehidupan yang lebih sejahtera dan lebih sihat, sambil menjaga maruah manusia dan melindungi alam sekitar kita.

Perlindungan Alam Sekitar	54
Hak Asasi Manusia	55
Mendukung Undang-undang Buruh dan Pekerjaan	57
Menyumbang kepada Komuniti Kita	58
Menyertai Proses Politik	59



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

**MENGHORMATI
KOMUNITI KITA**

Perlindungan Alam Sekitar

Komuniti Kita, Tanggungjawab Kita

Kita komited terhadap usaha beroperasi secara bertanggungjawab, memulihara sumber dan memenuhi semua keperluan alam sekitar yang dikenakan terhadap kita.



Cara Kita Bekerja

Bersikap proaktif dan melindung. Kita masing-masing menggunakan sumber setiap hari, tetapi kita boleh mengurangkan kesannya terhadap persekitaran:

- Seboleh-bolehnya, pulihara, kitar semula atau gunakan semula sumber (seperti botol, tin, kadbod dan plastik). Apabila anda berbuat demikian, anda mengurangkan jumlah sisa yang dihasilkan oleh Syarikat kita.
- Sedari sumber alam yang anda gunakan, seperti air, produk kertas dan bahan-bahan mentah yang lain. Tumpukan perhatian pada usaha memelihara sumber ini dan menggunakannya secara bertanggungjawab untuk mengurangkan kesan yang anda tinggalkan.

Mematuhi undang-undang dengan cermat.

Pelbagai undang-undang dan peraturan alam sekitar dikenakan terhadap perniagaan kita dan kita memikul kewajipan mematuhi. Jika anda terlibat dengan pengilangan produk kita, ingatlah kewajipan anda:

- Galakkan kelestarian. Jika pekerjaan anda melibatkan pemerolehan, ikuti prosedur kita tentang cara mendapatkan bahan-bahan secara bertanggungjawab.

- Ikuti prosedur kita tentang cara betul menyimpan, mengendalikan, melupuskan dan mengangkut sisa dan apa-apa bahan atau sebaran kotoran yang toksik. Berikan tumpuan khusus terhadap peraturan yang berkenaan dengan cara mengendalikan darah dan produk darah dengan selamat.
- Jika anda mendapat tahu tentang situasi yang boleh memudaratkan persekitaran, misalnya pelanggaran undang-undang alam sekitar atau pelupusan sisa dengan cara yang tidak selamat, laporkan kekhawatiran anda dengan segera (sama ada anda khuatir tentang tindakan seseorang pekerja atau salah satu pihak ketiga kita).



Ikuti perubahan.

Undang-undang dan peraturan yang direka untuk melindungi alam sekitar juga terus berubah. Ikuti perkembangan terkini apa-apa perubahan pada peraturan dan dasar-dasar kita ini supaya anda sentiasa bersedia meninggalkan kesan yang positif.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA


BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Hak Asasi Manusia

Budaya Kita yang Penyayang

Kita melindungi hak asasi manusia di merata dunia dengan penuh dedikasi, dan kami menghendaki para pekerja berkongsi komitmen itu dengan mendukung undang-undang walau di mana sahaja kita beroperasi, dan dengan bekerja secara bertanggungjawab.



Cara Kita Bekerja

Mematuhi undang-undang yang melindungi hak asasi manusia. Pelbagai undang-undang digubal untuk melindungi hak asasi dan kebebasan manusia di serata dunia. Kita masing-masing bertanggungjawab memahami dan mendukung undang-undang ini walau di mana sahaja kita beroperasi:

- Undang-undang hak asasi manusia berbeza-beza di sekitar dunia. Ketahui undang-undang di negara tempat anda bekerja dan di negara-negara anda berurus niaga, dan patuhilah undang-undang itu.
- Berikan perhatian khusus terhadap undang-undang yang melindungi keselamatan pekerja dan mencegah eksploitasi kanak-kanak. Haemonetics tidak mengizinkan sebarang amalan (oleh Syarikat kita mahupun oleh mana-mana pihak ketiga) yang membenarkan buruh kanak-kanak atau pemerdagangan manusia.
- Jika anda nampak atau mengesyaki berlakunya pelanggaran undang-undang hak asasi manusia, sama ada oleh pekerja Haemonetics mahupun oleh sesiapa sahaja di luar Syarikat kita, laporkan kekhawatiran anda dengan segera.

Menggalakkan budaya penyayang. Kita masing-masing berkuasa melahirkan komitmen Haemonetics terhadap hak asasi manusia dengan bekerja secara beretika dan bertanggungjawab, serta memikirkan kesan keputusan kita dari segi sosial dan ekonomi:

- Sedari kesan yang boleh ditinggalkan oleh operasi Syarikat kita terhadap hak asasi manusia, daripada cara kita mencari bahan sehinggalah kepada cara kita mengeluarkan dan mengedarkan produk. Pastikan kerja yang anda lakukan itu bermanfaat bagi orang yang bekerja dengan kita dan orang yang menerima khidmat kita.
- Kongsi komitmen Haemonetics terhadap hak asasi manusia dengan rakan niaga pihak ketiga kita. Jika anda bekerja dengan pihak ketiga, jangan pilih pihak ketiga yang mempunyai sejarah pencabulan hak asasi manusia atau apa-apa aktiviti yang melanggar undang-undang atau dasar-dasar kita.
- Pantau kerja pihak ketiga dan pastikan mereka terus mematuhi undang-undang serta menghormati hak asasi manusia.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Hak Asasi Manusia

Budaya Kita yang Penyangga



➔ **Bagaimanakah rupa pelanggaran?**

Pelanggaran hak asasi manusia boleh melibatkan:

- Gaji atau waktu kerja yang tidak adil
- Keadaan kerja yang tidak selamat
- Gangguan atau diskriminasi
- Buruh kanak-kanak
- Buruh paksa
- Hukuman fizikal
- Pmerdagangan manusia

Semak Dasar-dasar Kita

Dasar Pencegahan Pmerdagangan
Manusia Global

Kehendak terhadap Pembekal



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

**MENGHORMATI
KOMUNITI KITA**

Mendukung Undang-undang Buruh dan Pekerjaan

Kesaksamaan di Tempat Kerja

Di Haemonetics, kita percaya bahawa setiap orang yang bekerja bagi pihak kita layak dilayani dengan adil dan hormat di tempat kerja, sama ada dia bekerja untuk Syarikat kita ataupun untuk salah sebuah pihak ketiga kita. Untuk melindungi manusia dan juga perniagaan kita, kita patuhi dengan cermat undang-undang buruh dan pekerjaan yang dikenakan terhadap kita.



Cara Kita Bekerja

Memahami undang-undang pekerjaan. Sebagai majikan, Haemonetics terikat oleh kewajipan mematuhi undang-undang yang menolong kita menjamin tempat kerja yang saksama dan penuh hormat, walau di mana sahaja kita bekerja:

- Jika pekerjaan anda melibatkan tugas menguruskan pekerja atau mengambil pekerja baharu, ketahui undang-undang ini yang dapat menolong kita memastikan:
 - Saraan dan manfaat yang adil
 - Suasana kerja yang selamat dan sihat
 - Amalan pengambilan pekerja baharu yang tidak mendiskriminasi
- Jika anda kurang pasti tentang perkaitan undang-undang pekerjaan dengan diri anda, hubungi Jabatan Undang-undang untuk memohon panduan.

Menghormati hak asasi pekerja. Mendukung hak asasi pekerja memerlukan kita masing-masing memberikan perhatian yang teliti terhadap amalan dan tingkah laku yang memastikan pekerja sentiasa selamat dan produktif. Untuk membantu usaha memupuk suasana kerja yang positif:

- Galakkan budaya yang tidak menerima gangguan dan diskriminasi. Jika anda menguruskan orang

lain, anda perlu bersikap adil dalam semua keputusan pekerjaan dan memastikan bahawa setiap orang dilayan dengan hormat.

- Utamakan keselamatan di tempat kerja kita, sama ada di kawasan Haemonetics atau di kawasan milik pihak ketiga.
- Pilih pihak-pihak ketiga beretika yang melindungi hak asasi manusia. Jangan biarkan sahaja amalan yang tidak adil seperti buruh kanak-kanak, keadaan kerja yang tidak adil atau tidak selamat, atau penyumberan bahan secara tidak beretika.



Nampak sesuatu yang tidak adil?

Kami perlu mengetahuinya. Jangan ketepikan kekhuatiran yang mungkin anda rasai tentang amalan atau keadaan kerja yang tidak adil, tidak selamat atau tidak beretika. Laporkannya dengan segera.

Menyumbang kepada Komuniti Kita

Berprihatin dengan Berintegriti

Kita berusaha meninggalkan kesan yang positif melalui tindakan kita dan kita bermatlamat menjadi jiran yang terpuji dalam komuniti tempat kita tinggal dan bekerja.



Cara Kita Bekerja

Bekerja sambil beringat akan komuniti.

Haemonetics komited terhadap usaha membina hubungan yang positif dengan komuniti di tempat kita. Kami menggalakkan anda agar mencari peluang-peluang sukarela di tempat anda dan di sekitar dunia yang sejajar dengan Nilai-nilai kita:

- Apabila anda menghulurkan sokongan, lakukan dengan sukarela dan bertanggungjawab, sama ada bagi acara tajaan Syarikat ataupun sesuatu yang anda temukan sendiri.
- Jika acara atau perjuangan itu tidak terangkum oleh inisiatif yang ditaja oleh Haemonetics, gunakan masa dan sumber sendiri, dan pastikan kerja sukarela anda tidak mengganggu tanggungjawab anda terhadap Haemonetics.
- Jika terdapat perjuangan yang bermakna bagi anda di luar kerja komuniti Syarikat yang berterusan dan anda ingin menyertainya sebagai wakil Syarikat, kami galakkan anda agar menghubungi Jabatan Undang-undang supaya peluang itu boleh dikaji dan diluluskan sebelum anda menyertainya.



Mainkan peranan anda

Haemonetics menawarkan pelbagai cara anda boleh melibatkan diri dengan aktiviti amal dalam komuniti anda.

Nantikan peluang-peluang ini sepanjang tahun dan libatkan diri.

Menyumbang secara beretika. Sebagai Syarikat, sebarang sumbangan yang kita buat mesti mematuhi undang-undang dan peraturan yang berkenaan. Selepas waktu kerja, menyokong sesuatu perjuangan atau badan amal dalam komuniti anda ialah keputusan peribadi anda. Untuk memastikan anda menyumbang secara beretika:

- Jangan berikan sumbangan derma kewangan kepada badan amal atau perjuangan yang khusus atas nama Haemonetics. Kami tidak boleh menggantikan bayaran derma anda itu.
- Aktiviti amal anda itu aktiviti peribadi. Jangan paksa pekerja lain atau rakan niaga Haemonetics menyumbang masa atau wang mereka kepada perjuangan atau aktiviti yang khusus.



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA

Menyertai Proses Politik

Menyumbang dengan Berhati-hati

Haemonetics menghormati pilihan pekerja yang ingin menyokong calon dan perjuangan politik, dan menghendaki mereka melakukannya secara bebas dan bertanggungjawab. Kita mengasingkan aktiviti politik daripada kerja kita untuk mengelakkan konflik kepentingan yang tidak dimaksudkan bagi Syarikat kita, pelanggan kita atau rakan sekerja kita.



Cara Kita Bekerja

Bersikap bertanggungjawab dan adil.

Sungguhpun Haemonetics menggalakkan kita melibatkan diri dengan proses politik, apa-apa sokongan yang kita berikan tidak boleh mengganggu kerja sehari-hari kita untuk Haemonetics. Untuk memastikan proses politik yang terbuka dan adil:

- Lakukan kerja sukarela anda pada masa anda sendiri, menggunakan wang dan peralatan anda sendiri (seperti telefon, mesin penyalin atau peralatan pejabat yang lain).
- Jangan desak rakan-rakan sekerja agar menyokong calon atau perjuangan anda. Ini termasuklah meminta mereka menyumbangkan masa atau wang mereka secara sukarela. Hormati hak mereka jika mereka tidak mahu turut serta.

Menderma dan bercakap bagi pihak anda sendiri.

Sebagai syarikat, Haemonetics tidak menyokong calon atau parti politik yang khusus, tetapi jika anda ingin memberikan sokongan pada peringkat peribadi:

- Berikan sumbangan derma dengan wang anda sendiri. Jangan berikan sumbangan atas nama Haemonetics.

- Apabila menyuarakan sokongan anda terhadap seseorang calon atau sesuatu pendapat politik (sama ada pada media sosial atau dalam perbualan atau ucapan), nyatakan dengan jelas bahawa anda bercakap bagi pihak anda sendiri dan bukannya bagi pihak Haemonetics.

Mematuhi undang-undang dan peraturan. Jika pekerjaan anda melibatkan usaha dasar awam Haemonetics, ingatlah:

- Jika pekerjaan anda melibatkan interaksi dengan badan kerajaan atau pegawai kerajaan, bertindaklah secara beretika dan ketahui serta patuhi undang-undang yang berkenaan dengan proses melobi, mendaftar, melapor dan menyimpan rekod di kawasan anda.
- Tanya Jabatan Undang-undang jika anda kurang pasti tentang tindakan undang-undang terhadap interaksi anda



KANDUNGAN



SUMBER

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

**MENGHORMATI
KOMUNITI KITA**

Sumber yang Membantu

Haemonetics mempunyai pelbagai sumber apabila anda memerlukan bantuan:

Isu atau Kekhuatiran	Hubungi
Untuk bertanya atau untuk, melaporkan salah laku yang mungkin terjadi atau kekhawatiran lain yang berkenaan dengan etika	<p>Penyelia anda Ketua Pegawai Pematuhan Jabatan Sumber Manusia Jabatan Undang-undang Ketua Peguam Ketua Pegawai Kewangan Pegawai Perlindungan Data</p> <p>Talian Bantuan Integriti, yang memberi anda pilihan merahsiakan nama anda (kecuali jika undang-undang tempatan melarangnya dalam beberapa keadaan yang tertentu):</p> <p>Talian Bantuan Integriti Haemonetics 24 jam sehari, tujuh hari seminggu Dikendalikan oleh pembekal pihak ketiga yang bebas, dan boleh dihubungi melalui telefon, dalam talian atau pos: Melalui telefon: Telefon 1-888-224-7060 (percuma di Amerika Syarikat dan di Kanada) Dalam talian: www.haemonetics.ethicspoint.com</p>
Untuk bertanya soalan undang-undang atau pematuhan	Jabatan Undang-undang, Jabatan Pematuhan, Ketua Peguam atau Ketua Pegawai Pematuhan
Untuk mengemukakan kekhawatiran kewangan	Jabatan Kewangan
Untuk bertanya tentang dasar-dasar Syarikat	Jabatan Pematuhan
Untuk mendapatkan maklumat tentang manfaat Syarikat	Jabatan Sumber Manusia
Untuk mengemukakan pertanyaan media atau pertanyaan dari luar	Jabatan Komunikasi Global
Untuk mengemukakan pertanyaan daripada pemegang saham atau pelabur	Jabatan Undang-undang, Ketua Peguam atau Jabatan Perhubungan Pelabur
Untuk mengemukakan pertanyaan atau aduan tentang produk	PIRDesk@Haemonetics.com atau 1-800-537-2802

Haemonetics memelihara hak mengubahsuaikan Tatakelakuan ini pada bila-bila masa, jika perlu, berserta dasar-dasar, prosedur atau keadaan pekerjaan kita. Semak dalam talian untuk mendapatkan versi Tatakelakuan kita yang terbaharu. Tatakelakuan ini tidak dimaksudkan sebagai kontrak pekerjaan atau jaminan pekerjaan.

Haemonetics juga menyokong hak setiap pekerja bercakap kepada orang awam mengenai hal-hal kepentingan awam dan menyertai aktiviti dan komunikasi tertentu yang berkait dengan syarat-syarat pekerjaannya. Tiada satu perkara pun dalam Tatakelakuan ini atau dalam dasar-dasar kita yang dimaksudkan untuk mengehadkan atau mengganggu hak itu. Ini merangkumi aktiviti yang terlindung di bawah Seksyen 7 Akta Perhubungan Buruh Kebangsaan Amerika Syarikat, misalnya perbincangan yang berkait dengan bayaran upah, waktu kerja, keadaan kerja, bahaya terhadap kesihatan dan isu-isu keselamatan.

PERUTUSAN
KETUA PEGAWAI
EKSEKUTIF KITA

MEMAHAMI
TATAKELAKUAN
KITA

KOMITMEN
TERHADAP
KUALITI

MENGHORMATI
SATU SAMA LAIN

MELINDUNGI
ORGANISASI KITA

BERLAKU BETUL

MENGHORMATI
KOMUNITI KITA